

TAHAP PENERIMAAN BANDUAN TERHADAP HUKUMAN MATI

ABDUL AZIZ ABDUL RAZAK

**IJAZAH SARJANA SASTERA (KERJA SOSIAL)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2014**

Kebenaran Penggunaan

Saya dengan ini mengemukakan tesis saya sebagai memenuhi syarat pengijazahan Sarjana Sastera (Kerja Sosial) dari Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh memperolehi tesis ini secara percuma untuk tujuan pemeriksaan. Saya juga bersetuju untuk membenarkan mana-mana pihak untuk menyalin tesis ini dalam apa-apa cara sekalipun, secara keseluruhan atau sebahagiannya. Bagi tujuan ilmiah boleh dimohonkan kepada penyelia saya (s) atau, dalam ketiadaan mereka, boleh memohon kepada Dekan Awang Had Salleh, Sekolah Siswazah Sastera dan Sains. Difahami bahawa mana-mana penyalinan atau penerbitan atau penggunaan tesis ini atau bahagian-bahagiannya untuk keuntungan kewangan tidak boleh dibenarkan tanpa kebenaran bertulis saya. Ia juga difahami bahawa pengiktirafan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia boleh menggunakan mana-mana bahagian dalam tesis saya jika didapati bersesuaian untuk tujuan ilmiah.

Permintaan untuk kebenaran untuk menyalin atau menggunakan bahan-bahan yang lain dalam tesis ini, secara keseluruhan atau sebahagian, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Awang Had Salleh Sekolah Siswazah Sastera dan Sains
Kolej Sastera dan Sains UUM
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok

Abstrak

Hukuman mati merupakan suatu bentuk hukuman yang hanya diterima pakai bagi sesetengah negara di dunia ini termasuklah Malaysia. Hukuman gantung sampai mati mula diperkenalkan di Malaysia semasa zaman penjajahan British. Penerimaan hukuman mati dalam kalangan banduan akhir dikaitkan dengan pelbagai faktor termasuklah faktor-faktor emosi sama ada positif atau negatif yang berada di tahap tinggi, sederhana dan rendah. Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan di negara-negara barat berkaitan penerimaan hukuman mati dalam kalangan banduan. Kajian sebegini dalam konteks banduan akhir di Malaysia amat terhad lantaran aksesibiliti pengkaji-pengkaji terhadap banduan akhir tidak dibenarkan kerana kepentingan aspek keselamatan. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bagi mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan banduan akhir terlibat dengan jenayah berat. Kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti faktor yang mengganggu emosi banduan akhir selama mereka dipenjarakan. Metod yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah analisis yang berbentuk kualitatif iaitu temubual secara berstruktur. Dalam kajian ini, terdapat beberapa isu dan tema dibangunkan untuk menyesuaikan dengan teori dan sorotan karya seperti penerimaan hukuman mati faktor banduan melibatkan diri dengan jenayah berat dan faktor-faktor mengganggu emosi banduan. Hasil kajian menunjukkan penglibatan banduan akhir dalam jenayah berat adalah berpunca daripada masalah kewangan untuk memperolehi dadah, dianiaya rakan sejenayah dan pengaruh persekitaran. Punca-punca yang mengganggu emosi mereka pula sehingga menyebabkan keselamatan diri dan organisasi penjara tergugat dan terancam kerana terlalu lama menunggu keputusan mahkamah dan rayuan pengampunan. Dapatan kajian ini juga, menggambarkan banduan akhir redha menerima ketentuan Ilahi. Kajian ini dapat menyumbang kepada bidang kerja sosial khususnya kriminologi, koreksional serta polisi pengurusan kesejahteraan banduan akhir dalam Jabatan Penjara Malaysia.

Kata kunci: Hukuman mati, Perlaksanaan hukuman, Kestabilan emosi, Banduan akhir, Jabatan Penjara.

Abstract

Death penalty is a form of punishment which is applied in some countries of the world, whereby Malaysia is one of them. The death penalty was first introduced in Malaysia during the British colonial era. Acceptance of the death penalty among death row prisoners attributes to various factors which includes emotional factors that are either positive or negative which ranges from high, medium and low levels. A lot of studies had been conducted in western countries related to death penalty among prisoner. Studies among death row prisoners in Malaysia is very limited due to security reasons, researchers does not have easy access to death row prisoners. The research shows that death row prisoner's involvement in serious crime attributes to their financial problems in order to obtain drugs, peers, and the surrounding environment. Apart from that, this study also looked into the causes of emotional distraught which have resulted in personal and organizational threats and endangerment. It is often the case when many inmates lose their patience due to the extended time taken to appeal or ask for clemency at the courts of appeal. Structured interviews were also utilized with the help of the Nvivo software. Data were analyzed for the purpose of obtaining an overview of research on the issues and themes based on qualitative analysis. In this research, some of the issues and themes were developed to fit with the theory and literature review such as the acceptance of death penalty prisoners engage in serious criminal and emotional factors interfere with the prisoner. The finding of this study also shows that the acceptance of death row prisoners towards death sentence is accepted as reciprocation from god. This research contributes towards the field of social work, particularly criminology, correctional and the policy management for the well-being of death row prisoners in Malaysian Prison Department.

Keyword: Death penalty, Implementation of punishment, Emotional stability, Final prisoners, Prison Department.

Penghargaan

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan rahmatnya dapat saya melengkapkan penulisan ilmiah saya bagi memenuhi syarat ijazah lanjutan dalam bidang kerja sosial. Sepanjang proses menyiapkan penulisan ilmiah ini pelbagai pembentukan akademik dirasai dan dijanakan melalui pembacaan, perbincangan, pertukaran pandangan dan sebagainya. Secara keseluruhannya ia mengajar erti kepentingan sesuatu isu dan keupayaan minda mencerna perbincangan secara intelektual. Ini bermakna sesuatu isu atau perkara itu bukanlah boleh di hujah melalui satu dimensi, malah ia sebenarnya mempunyai pelbagai dimensi untuk dirujuk dan diaplikasikan. Secara tidak langsung elemen kemanusiaan dapat di rungkai dan dibahaskan secara segar. Ini sekali gus membantu mencari penyelesaian secara bijak, komprehensif dan inovatif. Tanpa sokongan dan pandangan tenaga pengajar, saya pasti jangkauan pemikiran ilmiah tidak mampu dicambahkan. Justeru saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua tenaga pengajar Kolej Sastera dan Sains (CAS), Universiti Utara Malaysia (UUM) yang telah menyumbang idea dan tenaga di sepanjang pembelajaran saya di universiti tercinta ini. Terutama sekali kepada Prof Madya Dr. Jamaludin Mustaffa dan Prof Madya Dr. Noor Azniza Ishak yang tidak jemu-jemu membimbing dan mencurahkan ilmu di sepanjang tempoh pengajian saya.

Selain itu, ucapan yang tidak terhingga juga kepada Prof Dr. Kamarudin Ngah (UUM), En. Mohd Hilmi Hamzah (UUM) dan Puan Nur Qurratul' Aini Ismail (UUM) kerana telah banyak meluangkan masa, memberi pendapat dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menyiapkan tesis Sarjana ini.

Tidak lupa juga kepada keluarga tersayang, terutama isteri yang sentiasa disisi dan anak-anak yang sentiasa memberi sokongan yang padu serta sangat memahami masa-masa yang terluang dengan aktiviti akademik. Juga kepada rakan-rakan setugas

yang memberi sokongan dan galakan dalam melanjutkan pengajian hingga ke peringkat ini.

Kepada responden kajian yang memberi kerjasama jitu, ingin saya ucapkan jutaan terima kasih. Tanpa perkongsian pengalaman, saya pasti tesis ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Akhir sekali, saya ingin menyampaikan sekalung penghargaan kepada semua yang membantu dan menyokong usaha saya menyiapkan tesis ini. Semoga Allah membalas budi baik kalian dengan limpah kurnia dalam kehidupan yang sejahtera. Semoga hasil daripada kajian ini akan dapat memanfaatkan kita bersama.

Sekian, terima kasih.

Isi Kandungan

| | |
|--|-----------|
| Kebenaran Penggunaan..... | i |
| Abstrak..... | ii |
| Abstract..... | iii |
| Penghargaan..... | iv |
| Isi Kandungan..... | vi |
| Senarai Jadual..... | x |
| Senarai Rajah..... | xi |
| Senarai Statut..... | xii |
| BAB SATU: PENGENALAN..... | 1 |
| 1.1 Pengenalan..... | 1 |
| 1.2 Permasalahan Kajian..... | 4 |
| 1.3 Persoalan Kajian..... | 11 |
| 1.4 Objektif Kajian..... | 11 |
| 1.5 Kepentingan Kajian..... | 12 |
| 1.5.1 Kepentingan Dari Aspek Akademik..... | 13 |
| 1.5.2 Kepentingan Dari Aspek Pratikal..... | 14 |
| 1.6 Skop Kajian..... | 16 |
| 1.7 Limitasi Kajian..... | 16 |
| 1.8 Definisi Konsep dan Operasi..... | 17 |
| 1.8.1 Banduan..... | 17 |
| 1.8.1.1 Hukuman Mati..... | 17 |
| 1.8.1.2 Perintah Pelaksanaan Hukuman..... | 18 |
| 1.8.1.3 Perjumpaan Terakhir..... | 18 |
| 1.8.1.4 Penahanan yang Selamat..... | 19 |
| 1.8.2 Emosi..... | 19 |
| 1.8.2.1 Kecerdasan Emosi..... | 23 |
| BAB DUA: ULASAN KARYA..... | 25 |
| 2.1 Pengenalan..... | 25 |
| 2.2 Sejarah Hukuman Mati..... | 25 |

| | |
|--|-----------|
| 2.3 Hukuman Mati Mengikut Negara | 27 |
| 2.4 Kaedah Pelaksanaan Hukuman Mati | 28 |
| 2.4.1 Hukuman Bakar Sampai Mati..... | 28 |
| 2.4.2 Roda | 29 |
| 2.4.3 ‘Guillotine’ | 30 |
| 2.4.4 Gantung dan ‘Garotte’ | 31 |
| 2.4.5 Tembak | 32 |
| 2.4.6 Gas Beracun | 32 |
| 2.4.7 Kerusi Elektrik | 34 |
| 2.4.8 Suntikan (<i>Lethal Injection</i>) | 35 |
| 2.5 Hukuman Mati di Malaysia (Teknik Gantung)..... | 36 |
| 2.6 Kajian Lepas..... | 38 |
| 2.6.1 Penerimaan Banduan Terhadap Hukuman Sampai Mati | 38 |
| Dalam Aspek Emosi | |
| 2.6.2 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Banduan Melibatkan..... | 39 |
| Diri Dalam Jenayah | |
| 2.6.3 Punca-Punca yang Mengganggu Emosi Diri Banduan | 43 |
| 2.6.4 Alternatif yang Sesuai Bagi Menguruskan Emosi Diri Banduan | 48 |
| 2.7 Teori | 50 |
| 2.7.1 Teori Rasional Emotif Terapi | 50 |
| 2.7.1.1 Pendekatan Teori | 51 |
| 2.7.1.2 Pandangan Teori Terhadap Manusia | 54 |
| 2.7.1.3 Sebelas Pemikiran Tidak Rasional | 56 |
| 2.7.2 Teori Lima Peringkat Kesedihan - Elisabeth Kubler-Ross (EKR) | 58 |
| 2.7.3 Model Pendekatan Penyelesaian Masalah - Helen Harris Perlman..... | 61 |
| BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN..... | 64 |
| 3.1 Pengenalan | 64 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian Kualitatif..... | 64 |
| 3.2.1 Populasi Kajian | 64 |
| 3.2.2 Sampel Kajian | 65 |
| 3.3 Prosedur | 66 |

| | |
|--|-----------|
| 3.4 Instrumen Kajian..... | 67 |
| 3.5 Analisis Data..... | 68 |
| BAB EMPAT: HASIL KAJIAN..... | 70 |
| 4.1 Pengenalan..... | 70 |
| 4.2 Demografi..... | 70 |
| 4.2.1 Umur..... | 70 |
| 4.2.2 Jantina..... | 71 |
| 4.2.3 Bangsa..... | 72 |
| 4.2.4 Status Perkahwinan..... | 73 |
| 4.2.5 Kelulusan Tertinggi..... | 73 |
| 4.2.6 Pekerjaan..... | 74 |
| 4.2.7 Pendapatan..... | 75 |
| 4.2.8 Agama..... | 76 |
| 4.2.9 Kes Jenayah Berat..... | 77 |
| 4.3 Tahap Penerimaan Banduan Terhadap Hukuman Mati Dari Aspek Emosi..... | 78 |
| 4.4 Faktor-Faktor Penglibatan Jenayah..... | 83 |
| 4.5 Punca-Punca Emosi Terganggu..... | 86 |
| BAB LIMA: PERBINCANGAN DAN RUMUSAN..... | 90 |
| 5.1 Pengenalan..... | 90 |
| 5.2 Perbincangan..... | 90 |
| 5.2.1 Demografi..... | 90 |
| 5.2.2 Penerimaan Banduan Terhadap Hukuman Mati Dari Aspek Emosi..... | 91 |
| 5.2.3 Faktor-Faktor Penglibatan Jenayah..... | 99 |
| 5.2.4 Punca-Punca Yang Mengganggu Emosi Diri..... | 100 |
| 5.3 Implikasi Kajian..... | 102 |
| 5.3.1 Implikasi Terhadap Teori..... | 102 |
| 5.3.2 Implikasi Terhadap Institusi Penjara..... | 102 |
| 5.3.3 Implikasi Terhadap Metodologi..... | 103 |
| 5.4 Cadangan..... | 103 |
| 5.4.1 Cadangan Kepada Organisasi..... | 103 |
| 5.4.2 Cadangan Masa Hadapan..... | 105 |

| | |
|---|------------|
| 5.5 Kesimpulan | 106 |
| RUJUKAN | 107 |
| LAMPIRAN 1: SOALAN TEMUBUAL..... | 115 |
| LAMPIRAN II : SENARAI NEGARA MENGIKUT CARA..... | 118 |
| HUKUMAN MATI | |
| LAMPIRAN III : EMOTION CONTROL QUESTIONAIRE..... | 121 |

Senarai Jadual

| | |
|---|----|
| Jadual 1.1: Statistik Banduan Akhir Jabatan Penjara Malaysia .. | 6 |
| Bagi Tahun 2000 - 2010 | |
| Jadual 1.2: Statistik Banduan Sabitan Hukuman Bagi Tahun 2005-2010..... | 7 |
| Jadual 1.3: Statistik Pelaksanaan Hukuman Mati Mengikut Kesalahan | 7 |
| Bagi Tahun 2005-2010 | |
| Jadual 1.4: Statistik Kejadian Luar Biasa Banduan Akhir..... | 9 |
| Jadual 2.1: Elisabeth Kubler-Ross: Lima Peringkat Kesedihan | 60 |
| Jadual 3.1: Ringkasan Kategori Banduan..... | 65 |
| Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Umur | 71 |
| Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Jantina | 71 |
| Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Bangsa | 72 |
| Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Bangsa Lain-Lain | 72 |
| Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan | 73 |
| Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Status Pendidikan | 74 |
| Jadual 4.7: Taburan Responden Mengikut Status Pekerjaan | 75 |
| Jadual 4.8: Taburan Responden Mengikut Pendapatan | 76 |
| Jadual 4.9: Taburan Responden Mengikut Agama | 77 |
| Jadual 4.10: Taburan Responden Mengikut Kes Jenayah | 77 |
| Jadual 4.11: Ringkasan Latar Belakang Responden | 78 |

Senarai Rajah

| | |
|---|----|
| Rajah 4.1: Tahap Penerimaan Banduan Akhir Terhadap Hukuman Mati | 82 |
| Rajah 4.2: Faktor-Faktor Penglibatan Dalam Jenayah Berat | 86 |
| Rajah 4.3: Punca-Punca Emosi Terganggu | 89 |

Senarai Statut

1. Akta 234 Dadah Berbahaya 1955
2. Akta 574 Kanun Keseksaan 1992 (Semakan)
3. Akta 527 Kanun Prosedur Jenayah 1992 (Semakan)
4. Akta 537 Penjara 1995
5. Akta 365 Penculikan 1961
6. Akta 37 Senjata Api 1971
7. Peraturan-Peraturan Penjara 2000
8. Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara Malaysia Bil E 2/92 : Kawalan Terhadap Banduan Akhir
9. Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara Malaysia E 308: Tindakan Yang Perlu Diambil oleh Pihak Penjara Sebelum/Semasa dan Selepas Hukuman Gantung Ke atas Banduan Akhir.
10. Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara Malaysia Bil E 330: Kemudahan Yang Boleh Didapati oleh Banduan Akhir di Seluruh Institusi Penjara Malaysia

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Hukuman Gantung Sampai Mati telah mula diperkenalkan di Malaysia semasa penjajahan British lagi (Abdul Aziz, 2003). Walaupun jenis-jenis kesalahan yang boleh membawa hukuman mati dikuatkuasakan di Malaysia telah dipelbagaikan, jumlah yang terlibat untuk didakwa hukuman mati masih juga meningkat, terutamanya yang melibatkan kes yang ditakrifkan sebagai pengedaran dadah (Jabatan Penjara Malaysia, 2010).

Hukuman Mati ataupun '*death sentence*' merupakan satu hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah yang kompeten terhadap mana-mana tertuduh bagi kes-kes yang termaktub di dalam Kanun Kesiksaan (*Penal Code*) atau juga mana-mana akta yang memperuntukkan kuasa kepada mahkamah untuk mensabitkan tertuduh ke tali gantung (Azman, 2002). Di Malaysia khususnya, hukuman mati dijatuhkan ke atas beberapa kesalahan yang melibatkan kes seperti mengedar dadah, membunuh dan penyalahgunaan dan pemilikan senjata api (Undang-Undang Malaysia, 2006). Akta-akta yang disabitkan kesalahan yang dikenakan hukuman mati merangkumi Akta 574 Sek. 121 Kanun Kesiksaan (Perbuatan memerangi Raja-Raja Melayu), Sek. 302 Kanun Kesiksaan (kes pembunuhan), Sek. 39 B Akta Dadah Berbahaya (kes pengedaran dadah), Sek. 3 Akta Senjata Api (penyalahgunaan senjata api) dan Sek. 7(1) Akta Senjata Api (penyalahgunaan senjata

api). Tertuduh yang didapati bersalah akan menjalani hukuman setelah proses rayuan ke Mahkamah Persekutuan, petisyen pengampunan kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri ditolak (Undang-Undang Malaysia, 2006).

Setiap pelaku jenayah setelah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati akan menunggu proses rayuan ataupun pengampunan supaya dapat dibebaskan dan dilepaskan ataupun menukarkan status hukuman. Tempoh masa menunggu yang berbeza-beza, ada yang pendek dan ada yang panjang. Ia bergantung kepada profil kes, jika berprofil tinggi, tempoh masa agak pendek dan jika sebaliknya tempoh menjadi lebih panjang (Ahmad Faudzi, 2004).

Jabatan Penjara Malaysia bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang pelaksanaan hukuman mati terhadap banduan. Banduan akhir adalah tertakluk kepada pematuhan Peraturan-peraturan Penjara 2000 Bab 18 dan Perintah Tetap KJP (Komisioner Jeneral Penjara) Bil 2/92 iaitu sebagai sumber kuasa pentadbiran pengurusan banduan akhir. Pengurusan banduan kategori hukuman mati memerlukan ketegasan dan disiplin yang tinggi disamping cekap mengendalikan keperluan asas banduan setakat yang dibenarkan oleh peraturan. Penguatkuasaan peraturan ini kadangkala akan 'menggagalkan' peningkatan tahap pelanggaran peraturan dalam kalangan banduan akhir (Marx, 1981). Pelanggaran peraturan berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Penjara 1995 Peraturan 120 ataupun 122 antaranya mengganggu ketenteraman, menyerang dan mencederakan pegawai penjara ataupun banduan, cubaan membunuh diri, mempengaruhi terhadap banduan lain supaya turut sama, enggan

mengambil catuan makanan yang disediakan, merosakkan harta benda kerajaan, enggan memasuki sel dan sebagainya (Jabatan Penjara Malaysia, 2010).

Sebelum banduan menjalani hukuman mati, mereka telah melalui proses-proses perundangan terlebih dahulu. Bagi kes hukuman mati, mereka perlu ditahan sebagai banduan reman sehingga proses perbicaraan selesai. Setiap banduan mempunyai harapan yang sama untuk bebas mati di tali gantung semasa dalam proses perbicaraan dijalankan. Harapan berbaur kekecewaan akan mula bertapak di hati mereka apabila mahkamah menjatuhkan hukuman mati di atas kesalahan dilakukan yang bersabit dengan hukuman mati.

Reaksi emosi banduan secara positif mahupun negatif akan memberi kesan kesejahteraan kehidupan sesama banduan hukuman mati dan juga kepada tugas seharian pegawai penjara untuk mengawal mereka. Emosi positif dalam kalangan banduan akhir menghasilkan suasana yang tenteram serta menyenangkan pegawai penjara untuk menjalankan tugas. Sebaliknya, emosi negatif atau emosi yang tidak dapat di kawal akan menyukarkan kehidupan banduan dan banyak menimbulkan masalah kepada Jabatan Penjara.

Emosi seseorang sukar ditentukan secara objektif (Sharifah & Shukri 2006). Banduan akan merasa tertekan samaada boleh menerima atau sebaliknya terhadap hukuman yang dijatuhkan. Ianya akan menimbulkan konflik dalam diri atau tekanan perasaan banduan yang boleh menyebabkan banduan melakukan sesuatu bagi menarik perhatian oleh

pengurusan penjara. Emosi diri ini akan memberi impak yang besar kepada pengurusan banduan akhir di penjara, jika sekiranya dapat diuruskan dengan berkesan, cekap dan memenuhi kehendak-kehendak psikologi banduan, akan mengujudkan suasana yang tenteram bagi membolehkan banduan hidup secara aman. Fahaman '*nothing to loose*' kepada banduan akhir membuatkan mereka lebih agresif yang boleh menggugat tahap keselamatan penjara (Micheal, 2005).

1.2 Permasalahan Kajian

Pengurusan layanan banduan yang efektif menggabungkan elemen keperluan fizikal dan spiritual banduan. Ia sukar ditentukan secara objektif. Di negara maju, walaupun penyediaan kemudahan fizikal penjara yang jauh lebih baik dari negara kita, kejadian rusuhan, pergaduhan berkumpulan, pelanggaran peraturan penjara, mogok lapar, pergaduhan yang melibatkan kematian masih juga berlaku. Ini bermakna, terdapat elemen psikologi yang perlu ditangani bagi mencapai objektif penahanan banduan di penjara. Berdasarkan kepada kajian luar negara sebelum ini, banduan akhir telah mengalami masalah elemen psikologi sehinggakan berlaku kekacauan akibat tekanan perasaan (Goleman, 1999).

Begitu juga di Malaysia, banduan akhir selalunya mengalami gangguan emosi seperti kejadian kes Botak Chin. Pada 2 Januari 1981, akibat terdesak untuk melepaskan diri daripada hukuman mati, Botak Chin telah menikam 3 warden yang bertugas di Penjara

Pudu, Kuala Lumpur tetapi situasi mencemaskan itu berjaya dikawal oleh warden penjara yang lain (Arkib Negara, 2011).

Umum mengetahui bahawa hukuman mati telah dilaksanakan begitu lama, tetapi jumlah jenayah berat dan '*hardcore criminal*' penjenayah tegar semakin bertambah di negara kita (Jabatan Penjara Malaysia, 2010). Oleh itu, kajian terhadap kesan emosi ini secara tidak langsung mendatangkan impak kepada proses pelaksanaan penahanan dan pemerlakuan layanan ke atas banduan serta pengurusan keselamatan persekitaran. Proses kerja yang lengkap dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan secara holistik dapat menentukan pencapaian pengurusan keselamatan dengan berkesan.

Selain itu, kajian ini adalah perlu memandangkan hukuman mati telah lama dipraktikkan di negara kita. Jumlah banduan seperti Jadual 1.1 di bawah menunjukkan jumlah yang semakin bertambah. Ini telah menimbulkan persoalan sama ada pertambahan jumlah ini adalah kesan daripada tiadanya kesedaran terhadap penguatkuasaan undang-undang di negara kita. Statistik dibawah menunjukkan '*trend*' kemasukan banduan reman yang ditahan atas kesalahan yang dijatuhkan hukuman mati bagi tempoh 10 tahun:

Jadual 1.1: Statistik Banduan Reman Hukuman Mati Jabatan Penjara Malaysia Bagi Tahun 2000-2010

| TAHUN | JUMLAH KES |
|--------------|-------------------|
| 2000 | 166 |
| 2001 | 131 |
| 2002 | 113 |
| 2003 | 124 |
| 2004 | 150 |
| 2005 | 179 |
| 2006 | 192 |
| 2008 | 259 |
| 2009 | 439 |
| 2010 | 583 |

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia, 2011

Berdasarkan kepada Jadual 1.1 di atas, terdapat kenaikan yang drastik banduan reman yang dituduh yang boleh membawa hukuman mati mulai tahun 2008 hingga 2010. Statistik kemasukkan banduan jatuh sabitan hukuman mati mengikut kes kesalahan seperti Jadual 1.2 dan 1.3 di bawah:-

Jadual 1.2: Statistik Banduan Sabitan Hukuman Mati Bagi Tahun 2005-2010

| TAHUN | JUMLAH PELAKSANAAN |
|--------------|---------------------------|
| 2005 | 18 |
| 2006 | 20 |
| 2007 | 32 |
| 2008 | 49 |
| 2009 | 208 |
| 2010 | 245 |

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia, 2011

Jadual 1.3: Statistik Banduan Sabitan Hukuman Mati Mengikut Kesalahan Bagi Tahun 2005-2010

| TAHUN/ KESALAHAN | SEK. 121 KK | SEK. 302 KK | SEK. 39B ADB | SEK. 3 ASA | SEK. 7(1) ASA | JUMLAH |
|-----------------------------|------------------------|------------------------|-------------------------|-----------------------|--------------------------|---------------|
| 2005 | - | 8 | 9 | - | 1 | 18 |
| 2006 | - | 8 | 12 | - | - | 20 |
| 2007 | - | 11 | 19 | 2 | - | 32 |
| 2008 | - | 12 | 37 | - | - | 49 |
| 2009 | - | 51 | 153 | 2 | 2 | 208 |
| 2010 | - | 74 | 169 | 2 | - | 245 |
| JUMLAH | 0 | 164 | 399 | 6 | 3 | 572 |

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia, 2011

Berdasarkan jadual yang dinyatakan, jelas menunjukkan bahawa jumlah banduan yang dituduh dan dijatuhkan hukuman mati di Malaysia menunjukkan jumlah yang tinggi. Jabatan Penjara Malaysia bertanggungjawab untuk menguruskan pelaksanaan hukuman seperti diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi. Dengan kenaikan jumlah banduan sabitan bagi hukuman mati, adalah perlu satu kajian terhadap tahap penerimaan hukuman

hukuman mati yang dijatuhkan dan faktor mereka boleh terlibat dengan jenayah berat. Proses pelaksanaan hukuman yang lengkap mengambil tempoh masa yang panjang, banduan akhir perlu menjalani kehidupan sesama banduan yang lain, maka kajian terhadap emosi banduan juga perlu dibuat untuk mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan emosi mereka terganggu gangguan sehingga mereka menjalani Perintah Pelaksanaan Hukuman (*Order of Execution*).

Dalam pada itu juga, banduan akhir di penjara sering menimbulkan kekecohan dan ingin mendapatkan perhatian daripada pegawai penjara semasa mereka ditahan ataupun semasa mereka menunggu saat menjalani hukuman mati. Mereka diklasifikasikan sebagai banduan berisiko tinggi dan hendaklah diberi perhatian. Setiap pergerakan dan tindakan mereka diperhatikan oleh pegawai penjara yang bertugas. Kejadian memboloskan diri dari kawalan penjara, pergaduhan yang serius antara banduan, menyerang pegawai penjara, mencederakan serta membunuh diri, mogok lapar adalah kejadian-kejadian yang perlu ditangani dengan berkesan. Jadual 1.4 menunjukkan statistik kejadian luar biasa yang melibatkan banduan akhir:-

Jadual 1.4: Statistik Kejadian Luar Biasa Banduan Akhir 2005-2010

| Kejadian | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
|-------------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| Bunuh Diri | 2 | 3 | 1 | - | 3 | 2 |
| Pergaduhan Serius | 5 | 3 | 7 | 4 | 3 | 5 |
| Menyerang Pegawai Penjara | 2 | - | - | 1 | - | 1 |
| Pergaduhan Berkumpulan | 3 | 5 | 6 | 3 | 4 | 4 |
| Cubaan Memboloskan Diri | 1 | - | - | - | - | - |
| Penyeludupan Artikel Larangan | 9 | 8 | 10 | 11 | 8 | 9 |
| Cubaan Membunuh Diri | 3 | 4 | 4 | 3 | 1 | - |
| Mogok Lapar | 2 | - | 2 | 3 | 5 | 2 |

Sumber: Jabatan Penjara 2011

Walaupun jumlah kejadian di atas tidak begitu besar berbanding dengan jumlah keseluruhan banduan akhir, akan tetapi kejadian ini akan memberi kesan kepada reputasi pengurusan kepenjaraan jika sekiranya perkara yang timbul tidak diatasi dengan berkesan (Ahmad Fauzi, 2004). Pihak luar seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) sentiasa peka terhadap perkembangan pengurusan banduan. Aduan sama ada dari keluarga banduan ataupun orang awam kepada SUHAKAM menandakan masyarakat memandang serius pelaksanaan fungsi Jabatan Penjara Malaysia yang mendokong misi “Kami Melindungi Masyarakat Dengan Menyediakan Penahanan Yang Selamat Dan Program Pemulihan Yang Efektif”. Penahanan yang selamat telah dijadikan sebagai Indikator Pencapaian Utama Prestasi (KPI) fungsi jabatan (Pelan Induk 2009–2020,

2009). Oleh itu, dengan adanya kajian ini, ia dapatlah memberi input kepada Jabatan Penjara Malaysia dan penjara-penjara yang lain juga bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan banduan akhir berdasarkan alternatif cadangan yang sesuai untuk dilaksanakan.

Secara umumnya, kajian kerja sosial ini bertujuan untuk meneroka gaya hidup banduan akhir di Penjara Pokok Sena dengan melihat tahap penerimaan terhadap hukuman mati yang dikenakan, tindak balas perubahan emosi terhadap hukuman dan faktor persekitaran penjara yang menimbulkan gangguan emosi diri semasa menjalani kehidupan di blok penempatan khas. Walaupun peluang menjalani kehidupan di luar tembok di berada persimpangan atau agak tipis, akan tetapi banduan tidak boleh dibiarkan kecewa dan hanya menunggu saat-saat kematian. Gangguan emosi boleh membawa kepada tekanan, malah tekanan yang di luar batasan kawalan individu boleh menyebabkan tindakan yang membahayakan diri sendiri ataupun persekitarannya. Kehidupan perlu diteruskan sehingga mendapat Perintah Pelaksanaan. Pada saat-saat genting iaitu perjumpaan terakhir bersama ahli-ahli keluarga atau guru agama, banduan perlukan bimbingan bagi menghadapi kematian.

Pemilikan status kategori banduan “banduan akhir” kadangkala seolah-olah memberi satu keistimewaan kepada banduan untuk menuntut (*demand*) kehendak-kehendak mereka yang perlu dipenuhi oleh warden penjara. Pada hakikatnya, mereka mengetahui ia tertakluk kepada peraturan. Jika sekiranya tidak berjaya, ketegangan emosi akan mula

berlaku. Ketegangan emosi yang serius boleh mendedahkan pengurusan keselamatan penjara kepada krisis.

1.3 Persoalan Kajian

Berikut adalah persoalan yang diutarakan dalam kajian ini:

- i. Apakah tahap penerimaan banduan terhadap hukuman mati dari aspek emosi?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi banduan melibatkan diri dalam jenayah berat sehingga dikenakan hukuman mati?
- iii. Apakah punca-punca yang mengganggu emosi diri banduan akhir yang boleh menggugat keselamatan diri dan organisasi penjara?

1.4 Objektif Kajian

Setiap perlakuan dikatakan jenayah akan melibatkan 2 elemen fundamental yang menjadi bukti seseorang itu benar-benar melakukan jenayah (Lim, 2003). Elemen tersebut dikenali sebagai *mens rea* dan *actus reus*. Mahkamah akan memeriksa, menapis, menimbang dan menerima bukti-bukti yang ada bagi membuat keputusan samada tertuduh bersalah atau tidak. Justeru itu, objektif umum bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada hukuman mati yang dijatuhkan oleh mahkamah mampu menyedar dan menginsafkan banduan di Penjara Pokok Sena kesalahan yang telah dilakukan. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti tahap penerimaan banduan terhadap hukuman mati dari aspek emosi positif atau negatif berada di tahap yang tinggi, sederhana atau rendah
- ii. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi banduan melibatkan diri dalam jenayah berat sehingga dikenakan hukuman mati
- iii. Mengenal pasti punca-punca yang mengganggu emosi diri banduan akhir yang boleh mengugat keselamatan diri dan organisasi penjara

Rumusan objektif kajian ini, penulis ingin mengetahui tahap penerimaan terhadap hukuman mati yang dijatuhkan terhadap mereka, apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka terlibat dengan dengan jenayah berat dan akhirnya punca-punca gangguan emosi yang mengganggu kesejahteraan kehidupan banduan akhir Penjara Pokok Sena bermula dari hukuman dijatuhkan sehingga mereka menjalani Perintah Pelaksanaan Hukuman di tali gantung. Kesejahteraan menjalani kehidupan antara banduan memberi impak yang positif kepada warden penjara bertugas mengawal keselamatan serta menguruskan program kesedaran dan aktiviti seharian.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dilihat apabila ia secara tidak langsung membolehkan pengkaji memahami bagaimana penerimaan banduan akhir yang akan menjalani hukuman mati di penjara. Di samping itu, pengkaji secara lebih dekat dapat mengetahui dan mencungkil emosi banduan yang selama ini membelenggu fikiran mereka sama ada banduan beremosi positif atau sebaliknya melalui temubual yang dilakukan. Kajian ini juga

penting dalam mengetahui sama ada mereka menerima hakikat atau tidak hukuman mati yang dikenakan ke atas mereka akibat perbuatan sendiri. Pihak-pihak yang mungkin berkepentingan dapatan dalam kajian ini antaranya;-

- i) Bahagian Dasar Ibu Penjabat Penjara,
- ii) 'Stake holder' Jabatan Penjara Malaysia,
- iii) Pekerja Sosial, dan
- iv) Penyelidik-penyelidik akademik

1.5.1 Kepentingan Dari Aspek Akademik

Kajian ini adalah signifikan dan pragmatik dari segi akademik. Kajian-kajian sebelum ini telah dapat memberikan sedikit sebanyak gambaran tentang penerimaan banduan terhadap hukuman mati dan perkara yang mempengaruhi banduan melibatkan diri dalam jenayah berat sehinggakan dikenakan hukuman mati (Harrison & Tamony, 2010; Dieter, 2008; Anderson, 2005; Osher & Steadman, 2007). Selain itu kajian ini sedikit sebanyak telah dapat mengenal pasti punca-punca yang mengganggu emosi diri banduan akhir yang boleh menggugat keselamatan diri dan organisasi penjara. Di samping itu, kajian ini menjadi medium penambahan pengetahuan kepada masyarakat dan ahli akademik betapa pentingnya kajian berkaitan kesan hukuman mati ke atas pelaku jenayah. Oleh itu, melalui kajian ini juga, dapat dikenal pasti alternatif yang sesuai bagi menguruskan emosi diri banduan akhir secara cekap dan berkesan semasa menunggu tempoh proses rayuan dan pengampunan serta menunggu pelaksanaan hukuman.

Namun, dapatan kajian sebelum ini (Harrison & Tamony, 2010; Dieter, 2008; Anderson, 2005; Osher & Steadman, 2007) kebanyakan mengenai banduan hukuman mati di penjara di Amerika berbanding dengan kajian tempatan, rata-rata melibatkan responden dalam kalangan banduan pra-bebas dan delinkuen dalam kalangan remaja di Malaysia (Maizatul, 2008). Faktor keselamatan dan tahap mengakses maklumat kepada responden mungkin menjadi punca keterbatasan kajian. Dengan ada kemudahan mengakses secara terus kepada responden oleh penyelidik, adalah penting untuk melihat dalam konteks tempatan sendiri. Oleh itu, kajian ini juga mampu menyumbang kepada peningkatan pengetahuan yang lebih luas untuk dijadikan panduan semua pihak khususnya Jabatan Penjara di Malaysia.

1.5.2 Kepentingan Dari Aspek Praktikal

Dari segi praktikal, pengetahuan berkenaan kecekapan seseorang pegawai penjara di Penjara Pokok Sena dalam sesuatu bidang tugas dan tanggapan mereka terhadap bidang itu daripada segi kepentingannya dengan tugas adalah perlu untuk merangka dan memperbaiki cara mereka menangani punca-punca gangguan emosi banduan akhir di penjara yang akan berhadapan dengan hukuman mati. Bahagian Dasar Ibu Pejabat Penjara boleh meneroka penemuan kajian sebagai input untuk penambahbaikan Prosedur Operasi Standard Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara berhubung pengurusan layanan banduan akhir.

Selain dari itu, 'stake holder' Jabatan Penjara iaitu Kementerian Dalam Negeri juga boleh mempertimbangkan dapatan kajian sebagai perbandingan isu-isu yang membangkitkan berhubung kesejahteraan kehidupan banduan akhir di penjara serta warden yang mengawal keselamatan serta layanan yang diberi.

Walaupun peranan pekerja sosial tidak begitu jelas fungsi dalam dapatan kajian ini kerana tanggungjawab tersebut telah dimainkan oleh pihak penjara, tetapi mereka boleh memberi pandangan dan cadangan yang membantu pihak penjara menambahbaik pengurusan layanan setakat peraturan membenarkan. Pekerja sosial antaranya Ahli Hakim Pelawat seperti yang termaktub di dalam Akta Penjara.

Oleh itu, dapat dirumuskan adalah penting bagi pihak pegawai penjara seluruh negeri di Malaysia, khususnya Penjara Pokok Sena untuk mengetahui bahawa kajian ini dapat menyumbang pengetahuan kepada mereka dalam menguruskan dan menangani emosi banduan akhir di penjara. Kajian ini juga membolehkan bidang penyelidikan di Jabatan Penjara memperoleh penemuan baru mengenai aspek emosi dan penerimaan banduan akhir terhadap hukuman mati yang seterusnya memudahkan pihak pengurusan penjara mengatasi masalah emosi yang dihadapi banduan akhir tersebut dengan menyediakan latihan yang secukupnya sebelum berhadapan dengan situasi emosi pelbagai yang yang mungkin tercetusnya krisis. Krisis mungkin boleh dibendung jika ianya dapat dikesan lebih awal dan diuruskan dengan baik dan berkesan.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian tertumpu kepada aspek tahap penerimaan banduan terhadap hukuman mati yang dilihat dari perspektif emosi dalam kalangan banduan. Tahap penerimaan yang dilihat dari perspektif emosi dimaksudkan dengan emosi positif dan emosi negatif. Hal ini kerana emosi penting dalam membuat jangkaan dan meramal tingkah laku sama ada untuk diri sendiri atau tingkah laku orang lain. Manakala banduan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah banduan akhir yang terlibat dengan kes hukuman mati menunggu proses rayuan mahkamah dan pengampunan negeri. Kajian ini tertumpu hanya kepada responden banduan akhir yang ada di Penjara Pokok Sena, Kedah.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini hanya menumpukan kepada tahap penerimaan banduan akhir sahaja terhadap hukuman mati tanpa melibatkan penerimaan dari banduan-banduan yang lain, seperti banduan pra-bebas. Selain itu, kajian ini hanya tertumpu kepada aspek emosi yang melihat dari sudut emosi positif dan emosi negatif banduan sahaja tanpa melibatkan aspek-aspek lain sebagai contoh aspek fizikal dan sikap. Kajian ini turut menumpukan tempat kajian hanya di Penjara Pokok Sena di negeri Kedah.

1.8 Definisi Konsep dan Operasi

1.8.1 Banduan

Hallahan (2000) mendefinisikan banduan sebagai seseorang yang berada dalam jagaan, penawanan, atau berada dalam situasi halangan daripada orang lain menggunakan kekerasan, terutama apabila berada dalam perbicaraan atau menjalani hukuman penjara. Selain itu, seorang banduan merujuk kepada sesiapa yang dihilangkan kebebasan menentang kehendak mereka.

“He was a prisoner of his own personality of that given set of traits that . . . predisposed him to see the world in a certain way, to make certain moves, certain choices” (Hallahan, 2000).

Banduan akhir didefinisikan sebagai banduan yang diklafikasikan sebagai banduan yang mempunyai risiko tinggi mereka terdiri daripada mereka yang telah disahkan oleh mahkamah dikenakan hukuman gantung sampai mati (Jabatan Penjara Malaysia, 2010). Lazimnya banduan ini terdiri daripada mereka yang melakukan jenayah berat seperti perculikan, pembunuhan, pengedaran dadah dan pengedaran senjata api.

1.8.1.1 Hukuman Mati

Hukuman mati adalah satu hukuman yang dijatuhkan oleh seorang pengadil yang merupakan hukuman paling berat dijatuhkan kepada seseorang akibat daripada perbuatan yang dilakukan (LBH Banda Aceh dan Kontras Aceh, 2004). Menurut Azman (2008),

hukuman ini juga dikenali sebagai hukuman utama (*capital punishment*) yang merupakan satu hukuman paling berat kerana ianya mempertaruhkan nyawa seseorang yang pada dasarnya merupakan hak mutlak Allah S.W.T. Pelaksanaan hukuman ini dijalankan oleh warden penjara terpilih yang terlatih sahaja dan dilantik oleh Ketua Pengarah Penjara untuk menjalankan Tugas-Tugas Khas serta dibayar elaun tambahan.

1.8.1.2 Perintah Pelaksanaan Hukuman

Mengikut seksyen 281 Prosedur Kanun Jenayah, Perintah Pelaksanaan Hukuman adalah satu perintah menjalankan hukuman gantung sampai mati yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi setelah Jabatan Penjara mendapat keputusan Jemaah Pengampunan Negeri menolak petisyen dari banduan mengikut Peraturan-peraturan Penjara 114 dengan mengekalkan hukuman mati kepada banduan. Butiran perintah tersebut menyatakan tarikh, masa dan tempat melaksanakan hukuman tersebut. Perintah tersebut tahap RAHSIA.

1.8.1.3 Perjumpaan Terakhir

Mengikut Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara Bil E308 dan E330, Perjumpaan Terakhir adalah perjumpaan bersemuka antara banduan akhir dengan ahli keluarga yang dibenarkan yang diaturkan oleh Jabatan Penjara secara sulit. Banduan diberi peluang untuk memesan makanan selain dari diet makanan harian banduan. Selain dari perjumpaan tersebut, perbincangan pihak penjara dengan ahli keluarga dibuat bagi

menentukan waris yang akan menerima mayat setelah urusan ‘*Coroner Inquest*’ dan dokumentasi selesai.

1.8.1.4 Penahanan yang Selamat

Mengikut Pelan Induk Jabatan Penjara 2009-2020, penahanan yang selamat sebahagian dari misi Jabatan untuk mencapai organisasi bertaraf dunia pada tahun 2020. Secara umumnya, banduan yang ditahan di penjara boleh menjalani hukuman sehingga tamat dalam keadaan aman dan selamat, bebas dari ancaman dan tidak dapat memboloskan diri dari kawalan penjara seperti yang termaktub dalam waran memenjarakan.

1.8.2 Emosi

Kleinginna dan Kleinginna (1981) menyatakan terdapat 92 definisi yang berbeza tentang emosi. Beliau menyatakan emosi bermaksud emosi seseorang yang berada pada suatu keadaan kompleks melibatkan kegiatan dan perubahan dalaman dan luaran.

Menurutnya lagi, emosi merupakan tafsiran yang kompleks berkaitan dengan interaksi antara faktor subjektif iaitu mempengaruhi kepercayaan seseorang berdasarkan fakta yang benar dan objektif iaitu fakta atau situasi yang mempengaruhi hasil dalam sesuatu perkara yang dipengaruhi oleh sistem neuron dan hormon. Emosi dibahagikan kepada empat komponen utama, iaitu perasaan yang dialami seperti perasaan puas, suka, gembira atau perasaan tidak senang hati, proses kognitif seperti proses berfikir serta melabelkan

dengan tanggapan yang relevan, perubahan fisiologi seperti gerak-geri badan dan ekspresi wajah dan tingkah laku berkaitan seperti menjerit, menangis, lari, dan bergaduh. Komponen-komponen ini mempamerkan perubahan mental dan fizikal manusia mengikuti situasi yang berbeza. Keempat-empat komponen ini saling berkait. Sebagai contoh, kes buli yang kerap berlaku di kalangan pelajar.

Menurut William (1884) emosi didefinisikan sebagai keadaan seseorang yang menampakkan dirinya dengan suatu perubahan yang jelas pada tubuh. Emosi merupakan salah satu aspek perubahan melibatkan sikap dan kelakuan seseorang yang juga melibatkan dua aspek lainnya, iaitu kognitif dan konatif (*psikomotorik*) merangkumi perasaan seperti ketawa, bersedih, takut dan menangis.

Bila membicarakan perkataan emosi dari sudut bahasa ia dikatakan berasal daripada perkataan Latin iaitu *e'movere* yang bermaksud keluar dan gerak (Azman & Andy, 2012; Scherer, 2005). Menurut Mahmood Nazar (1992), emosi diertikan satu keadaan yang dialami oleh manusia melibatkan perubahan dari segi fisiologi, diri dan psikologi di mana dapat dilihat dalam tahap kecerdasan emosi seseorang yang meliputi aspek perasaan yang tenang dan berfikiran waras di samping aspek rohani dan jasmani dari segi tingkah laku yang menekankan tingkah laku yang terkawal serta memiliki dan memupuk sifat kasih sayang (Mahmood Nazar, 1992).

Santrock (1998), mendefinisikan emosi sebagai perasaan atau kesan yang melibatkan satu gabungan rangsangan fisiologi (*physiological arousal*) seperti jantung berdegup dengan

laju melibatkan keadaan tingkah laku yang nyata seperti senyum atau menyeringai. Terdapat dua kategori diklafikasikan melibatkan emosi iaitu positif dan negatif. Emosi positif merangkumi perasaan seronok, ghairah, gembira dan bersemangat. Manakala emosi negatif merangkumi perasaan seperti marah, rasa bersalah, sedih, cemas, takut dan sebagainya berkaitan dengan emosi negatif (Santrock, 1998).

Lefrancois (2001) pula mentakrifkan emosi iaitu perasaan atau komponen kesan dalam tingkah laku manusia. Emosi juga berkaitan dengan sikap yang membuat kesan sama ada bersifat positif atau negatif. Antara emosi negatif dan positif, terdapat emosi semulajadi (neutral). Emosi positif berperanan dalam membentuk kesejahteraan emosi seseorang yang boleh mengawal emosi negatif jika tiba-tiba datang (Lefrancois, 2001).

Menurut English and English emosi adalah “*A complex feeling state accompanied by characteristic motor and glandular activities*“, iaitu suatu keadaan perasaan yang kompleks yang disertai karakteristik kegiatan kelenjar dan motor (Aulia, 2010). Emosi merupakan setiap keadaan pada diri seseorang yang disertai warna afektif baik pada tingkat lemah maupun pada tingkat yang luas. Warna afektif disini dapat diertikan sebagai perasaan-perasaan tertentu yang dialami pada saat menghadapi suatu situasi tertentu, contohnya gembira, bahagia, putus asa, terkejut, benci, tidak senang dan sebagainya (Yusuf Syamsu, 2006).

Menurut Ekman dan Friesen (1978) emosi terbahagi kepada tiga jenis iaitu;

i) *Masking*

- keadaan seseorang menyembunyikan emosi yang dialaminya.

- emosi yang berlaku tidak melibatkan ekspresi fizikalnya.
- contoh emosi jenis ini adalah seperti sedih kerana kehilangan ahli keluarganya sehinggakan seseorang itu dapat menutupi kesedihan tersebut dan keadaan fizikal yang menyebabkan perasaan sedih dapat dizahirkan.

ii) *Modulation*

- keadaan seseorang yang tidak boleh mengawal emosi dan meluahkan emosinya secara fizikalnya.
- contoh emosi jenis ini melibatkan seseorang itu akan bersedih dan menangis dengan nada yang tidak terlalu kuat.

iii) *Simulation*

- keadaan di mana tanda-tanda seseorang tidak mengalami emosi secara amnya, tetapi ia seolah-olah mengalami emosi dengan menampakkan gejala-gejala fizikal.
- emosi jenis ini banyak dipengaruhi oleh unsur budaya.
- contoh adalah seseorang tidak akan menangis secara berlebihan di khalayak umum apabila kehilangan ahli keluarga yang disayangi.

Secara umumnya menurut pakar kecerdasan emosi iaitu Goleman (1995) menjelaskan emosi berkait rapat dengan sesuatu kegiatan atau pergolakan perasaan, nafsu, fikiran dan keadaan mental. Emosi sebagai perasaan yang kuat dan pelbagai jenis seperti kasih sayang, keriang, benci, takut, cemburu, keseronokan atau gangguan pada perasaan. Menurutnya lagi emosi merupakan jiwa sebenar manusia merangkumi perasaan-perasaan kuat yang berpunca daripada aspek psikologi dan emosi seseorang bergantung pada

situasi. Beliau juga menyatakan emosi sebagai sesuatu situasi biologis dan psikologis dan serangkaian kecenderungan untuk bertindak (Goleman, 1995).

1.8.2.1 Kecerdasan Emosi

Menurut Noriah (2005) kecerdasan emosi bermaksud satu ciri seseorang yang melibatkan kemahiran atau kompetensi dalam menguruskan kehidupan mereka dengan lebih baik. Ciri-ciri yang terangkum dalam kecerdasan emosi meliputi kebolehan dalam menyelami emosi sendiri dan menilai, sentiasa mencenderungkan emosi supaya dapat membimbing atau memudahkan seseorang mencapai sesuatu matlamat, berkebolehan mengawal perasaan, keperluan, kehendak dan masalah diri sendiri dan orang lain, sentiasa boleh mencetus tindak balas yang sesuai kepada seseorang, menyedari pentingnya nilai-nilai agama dalam kehidupan dan sentiasa menggunakan pengalaman kehidupan diri sendiri dan orang lain sebagai satu panduan untuk menyelesaikan masalah apabila berlaku (Noriah, 2005).

Mohd Azhar (2004), menjelaskan untuk menentukan kecerdasan emosi seseorang, individu tersebut perlulah pandai mengendalikan diri sendiri, sentiasa semangat, tekun, berkemampuan dan mempunyai motivasi yang tinggi jika berhadapan dengan kegagalan, kesanggupan mengendalikan dorongan hati dan emosi, tidak melebihkan kesenangan, mengatur suasana hati dan menjaga supaya beban tekanan tidak melumpuhkan kemampuan berfikir bagi membaca perasaan terdalam orang lain dan berdoa untuk memelihara hubungan dengan sebaik-baiknya, kemampuan untuk menyelesaikan konflik

serta untuk memimpin. Nilai-nilai yang lebih tinggi dalam perasaan manusia, seperti kepercayaan, harapan, pengabdian cinta, seluruhnya lenyap dalam pandangan kognitif yang diinginkan. Oleh itu, dikatakan bahawa kecerdasan emosi dapat menampung banyak sifat-sifat yang membuat kita menjadi lebih manusiawi (Mohd Azhar, 2004).

BAB DUA

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Bahagian ini menyentuh berkenaan kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan berkaitan dengan tahap penerimaan banduan terhadap hukuman mati dan melihat dari perspektif emosi. Dalam bab ini juga memperihalkan tentang sejarah hukuman mati di dunia dan dalam kontek Malaysia serta kaedah pelaksanaan hukuman mati tersebut.

2.2 Sejarah Hukuman Mati

Hukuman mati adalah hukuman berat dikenakan keatas penjenayah dan diputuskan oleh pihak mahkamah demi menegakkan keadilan dalam masyarakat. Sebagai balasan jenayah yang dilakukan individu tersebut akan menyebabkan mereka dikenakan hukuman seperti gantung, tembak, suntikan maut, pancung, rejam dan sebagainya (Azizul Azhar, 2011). Menurut Awis (2010), sejarah mengenai hukuman mati dalam komuniti manusia telah lama wujud dan boleh dikatakan pernah berlaku kepada masyarakat terdahulu.

Menurut sejarah hukuman mati telah bermula sejak zaman Babilonia lagi pada pemerintahan kerajaan Hammurabi pada abad ke 18 sebelum masehi di mana pada masa itu terdapat sebanyak 25 kaedah yang dilaksanakan untuk hukuman mati (Golston, 2009).

Di negara yang mengamalkan sistem autokratik, komuniti yang berbeza dengan cadangan atau pendapat dengan kerajaan secara automatik akan dikenakan hukuman mati. Sebagai contoh di negara komunis, seseorang individu akan dibunuh apabila didapati menjadi anti revolusi kerajaan atau mempunyai fikiran yang cuba menghasut masyarakat ke arah kejahatan terhadap kerajaan (Samuel, 2007).

Pada era kini kebanyakan hukuman mati dilaksanakan dengan kesakitan yang lebih minimum bersesuaian dengan maksud untuk menamatkan riwayat seseorang penjenayah. Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh *Amnesty International dan Hands Off Cain* (2007), menunjukkan sebanyak 55 buah negara masih mengekalkan hukuman mati. Namun terdapat 142 buah negara yang tidak mengamalkan hukuman mati dan menghapuskannya. Negara-negara berkenaan seperti di **LAMPIRAN II**. Sebagai contohnya negara yang tidak pernah mengamalkan hukuman mati adalah negara-negara yang berada di dalam Kesatuan Eropah (EU) kerana anggapan mereka hukuman tersebut telah melanggar hak asasi manusia (*Amnesty International dan Hands Off Cain*, 2007) .

Manakala di negara yang bertamadun, hukuman mati merupakan satu aspek penting dalam menghapuskan gejala jenayah dan sebagai iktibar kepada individu lain supaya tidak melakukan jenayah sebagai contohnya pertama individu yang melakukan jenayah membunuh secara sengaja akan dikenakan hukuman mati bersesuaian dengan pepatah hutang harta dibayar dengan harta dan hutang darah dibayar dengan darah (Awis, 2010). Kedua, kes melibatkan dadah di mana negara Asia seperti China, Singapura dan Malaysia mengamalkan sistem hukuman mati kepada individu dengan kes tersebut. Contoh ketiga

adalah mengenai kes melibatkan menjual dan membeli manusia. Di negara China mereka yang terlibat dengan kes menjual dan membeli manusia akan terus di sabitkan kesalahan dengan hukuman mati (Kontras, 2007). Selain itu di kebanyakan negara Islam, individu yang terbabit dengan jenayah seks atau disabitkan kesalahan merogol akan dikenakan hukuman mati. Di Vietnam juga mengenakan hukuman mati membabitkan pesalah yang merogol kanak-kanak. Ada juga negara yang mengenakan hukuman mati terhadap kes-kes seperti menculik, pemilikan dan penyalahgunaan senjata api dan kes rasuah (Kontras, 2007).

2.3 Hukuman Mati Mengikut Negara

Hukuman mati bermaksud satu hukuman berat yang dijatuhkan kepada individu-individu yang telah melibatkan diri dalam kes-kes tertentu seperti pengedaran dadah, membunuh dan sebagainya dan jika keputusan mahkamah mendapati bersalah mereka akan dihukum bunuh (Bedau, 2003). Setiap negara mempunyai perbezaan dari segi hukuman mati yang dilaksanakan bergantung pada jenayah yang dilakukan (Radelet & Akers, 2003). Antara hukuman mati yang dilaksanakan seperti menembak, kejutan kerusi elektrik, gantung dan juga suntikan maut (Radelet & Akers, 2003). Bagi kebanyakan negara-negara Islam hukuman mati berkonsepkan kepada kaedah pancung dan rejam mengikut syariat Islam (Abdul Aziz, 2003).

Menurut Samuel (2007), ada juga negara-negara telah memansuhkan hukuman tersebut seperti negara yang berada dalam Kesatuan Eropah (EU) dan menggantikan hukuman

mati dengan memperkenalkan hukuman penjara seumur hidup atau sepanjang hayat. Hal ini kerana hukuman mati telah melanggar hak-hak kemanusiaan kerana bagi mereka semua manusia berhak untuk hidup (Samuel, 2007). Appendix 1 menunjukkan status penggunaan hukuman mati di negara-negara yang terlibat termasuk juga yang telah dimansuhkan.

2.4 Kaedah Pelaksanaan Hukuman Mati

Pelbagai kaedah yang digunakan oleh semua negara yang menguatkuasakan undang-undang menjatuhkan hukuman mati mengikut jenayah yang dilakukan. Antara kaedah-kaedah yang digunakan untuk melaksanakan hukuman mati adalah seperti gantung sampai mati, kerusi elektrik, jarum suntikan, pancung, rejam, kerusi elektrik dan gas beracun. Teknik pelaksanaan atau kaedah hukuman mati dikatakan mempunyai hubung kaitnya dengan perkembangan sains dan perubahan nilai-nilai kemanusiaan berasaskan ketamadunan. Kesemua teknik atau kaedah yang digunakan di percayai memberi kesan yang cepat untuk mematikan seseorang pesalah.

2.4.1 Hukuman Bakar Sampai Mati

Hukuman ini merupakan satu kaedah mendera dan selepas itu dibakar hidup-hidup. Hukuman ini dilaksanakan apabila individu terbabit melakukan kesalahan seperti amalan kepercayaan bertentang dengan orang ramai, individu amalkan ilmu sihir dan wanita yang sentiasa mempunyai prasangka buruk (Sri Arun, 2003). Sejarah hukuman mati yang juga dikenali sebagai hukuman dibakar hidup-hidup memiliki sejarah yang panjang di

mana kaedah hukuman seperti ini melibatkan jenayah melibatkan ajaran sesat, penderhakaan dan juga penggunaan ilmu sihir (Wilkerson, 1878). Hukuman ini merupakan satu hukuman cara penganiayaan paling popular masa lalu.

Walau bagaimanapun, sejak daripada era Kristian iaitu pada 643 sebelum Masihi, satu arahan dikeluarkan bagi mengharamkan hukuman bakar sampai mati kerana ia banyak bertujuan untuk membakar ahli-ahli sihir. Pada kurun ke 18, pelaksanaan kaedah hukuman ini banyak tidak gemari oleh kalangan kebanyakan kerajaan dan akhirnya pelaksanaan hukuman tersebut yang terakhir telah berlaku di Sepanyol pada tahun 1834 (Sri Arun, 2003).

Pada abad ini, hukuman bakar sampai mati tidak dipersetujui oleh semua negara kerana mereka menganggap ia merupakan satu hukuman kejam. Hukuman melibatkan pembakaran kepada tertuduh yang sebelum itu diikat pada kayu pancang yang agak besar dikenali juga sebagai pembakaran pada kayu pancang. Dalam kitab Bible hukuman ini melibatkan mencairkan timah dan selepas itu menuangkan cairan timah tersebut ke dalam kerongkong tertuduh sehingga kematian se pantas kilat (Wilkerson, 1878).

2.4.2 Roda

Menurut Ahmad Fauzi (2004), hukuman menggunakan roda bermaksud satu kaedah melibatkan penderaan di mana tertuduh akan diikat pada bahagian luaran rim sebuah roda dan kemudian akan digolekkan pada batuan yang tajam sampailah tertuduh mati. Roda

akan berpusing, dan masyarakat akan bergilir-gilir memukul mangsa dengan batang-batang besi, memecahkan tulang-tulang dan akhirnya menyebabkan kematian. Kaedah ini telah digunakan di seluruh negara Eropah, terutama semasa Middle Ages.

2.4.3 'Guillotine'

Kaedah hukuman ini telah digunakan secara meluasnya semasa revolusi Perancis pada abad ke 17 dan 18 yang melibatkan hukuman menggunakan peralatan mata pisau yang tajam untuk memenggal kepala penjenayah (Kontras, 2007). Pemenggalan atau pasung menjadi satu bentuk hukuman popular di Perancis dalam 1789, apabila Dr. Joseph Guillotin mencadangkan yang semua hukuman jenayah dilaksanakan oleh kaedah yang serupa dan penganiayaan itu seharusnya mengikut kaedah hukuman paling minimum. Justeru itu, pasung atau pemenggalan telah difikirkan sebagai kaedah yang paling berperikemanusiaan pada masa itu.

Guillotin mencadangkan pembinaan mesin pemenggalan yang kemudiannya dinamakan bersempena dengan nama beliau. Mesin terlebih dahulu diuji pada biri-biri dan anak-anak lembu, dan kemudian pada mayat-mayat manusia. Akhirnya, selepas banyak pembaikan dan ujian-ujian telah disempurnakan dan pelaksanaan pertama kaedah pasung terjadai pada tahun 1792. Ia telah digunakan dengan meluas semasa Revolusi Perancis, di mana kebanyakan pelaksanaan-perlakuan hukuman mati diadakan secara terbuka di luar penjara Versailles. Pelaksanaan hukuman menggunakan kaedah ini secara terbuka adalah

pada Jun 1939 di Perancis. Manakala kali terakhir penggunaan kaedah ini adalah pada tahun 1977 juga di Perancis.

2.4.4 Gantung dan ‘Garotte’

Gantung merupakan satu kaedah yang melibatkan pesalah akan digantung dengan tali yang bertujuan untuk mematahkan tengkuk pesalah (Jabatan Penjara Malaysia, 2011). Bagi kaedah pelaksanaan untuk hukuman ‘*Garotte*’ ianya melibatkan kaedah lebih kepada penderaan tetapi mirip seperti hukuman gantung. Alatan yang digunakan untuk hukuman ‘*Garotte*’ melibatkan gelung atau rak untuk dimuatkan ke dalam tengkuk pesalah dan selepas itu akan dipulas secara perlahan-lahan sehingga tegang yang menyebabkan pengaliran darah pesalah akan tersekat. Manakala mulut pesalah tersebut disumbat dengan ketat dan menggunakan rantai untuk mengikat lehernya (Mohammad Monib & Islah Bahrawi, 2011).

‘*Garotte*’ tidak lagi dibenarkan penggunaannya oleh undang-undang di mana-mana negara walaupun latihan dalam penggunaannya masih digunakan oleh French Foreign Legion. Peranti atau ‘*Garotte*’ telah digunakan di Sepanyol sehingga ianya telah diharamkan pada tahun 1978 apabila hukuman mati dimansuhkan. Pelaksanaan hukuman mati secara ‘*Garotte*’ kali terakhir telah dikenakan ke atas José Luis Cerveto pada Oktober tahun 1977. Manakala Andorra ialah negara terakhir di dunia yang menggunakan ‘*Garotte*’ dalam melaksanakan hukuman mati ke atas penjenayah pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, menurut pengarang India dan ahli forensik Parikh, di

India, penggunaan '*Garotte*' adalah sesuatu perkara biasa apabila menghukum penjenayah yang melakukan kesalahan.

2.4.5 Tembak

Hukuman tembak bermaksud hukuman secara tembakan yang dilakukan oleh penembak yang profesional dengan tembakan ke jantung pesalah. Kebiasaannya semasa hukuman ini dilaksanakan pesalah akan ditutup mata supaya tidak dapat melihat keadaan sekeliling. Hukuman ini telah banyak dilaksanakan di beberapa buah negara. Namun sejak abad ke 19 dan 20 banyak negara yang telah memansuhkan hukuman tersebut (Elisabetta, 2010).

2.4.6 Gas Beracun

Kaedah hukuman gas beracun bermaksud satu hukuman di mana banduan ditempatkan dalam sebuah bilik yang berkunci dan tertutup (tiada pengaliran udara) dan selepas itu gas hydrocyanic dibebaskan ke dalam bilik tersebut yang akan menyebabkan kelemahan keupayaan badan banduan.

Sejarah hukuman melalui kaedah gas beracun bermula apabila penggunaan hukuman menggunakan kerusi elektrik yang mengerikan telah diberhentikan di State of Nevada. Pada tahun 1921, penggubal undang-undang dalam State of Nevada, telah mencuba bentuk hukuman yang dapat mengurangkan kekejaman. Mereka mula memutuskan untuk

membina bilik-bilik di mana banduan-banduan boleh dikunci dan bilik-bilik tersebut kemudiannya akan dipenuhi dengan gas sianida maut. Nevada mula menggunakan kaedah gas beracun pada tahun 1924, dan ia kekal popular selama lebih 50 tahun. Pelaksanaan bilik gas beracun kali terakhir telah digunakan pada tahun 1999. Gas sianida (Zyklon B) adalah cara utama pembunuhan beramai-ramai yang digunakan oleh Nazi Jerman semasa Holocaust, di mana ia boleh digunakan untuk membunuh seramai 2,500 orang serta-merta.

Kaedah hukuman gas beracun berfungsi apabila banduan diikat kepada sebuah kerusi di dalam satu bilik yang akan melepaskan gas beracun. Pelaksana hukuman pula akan berdiri di luar bilik dan menarik satu tuil di mana bebola kalium sianida akan jatuh ke dalam sebuah tangki asid sulfurik seterusnya bilik hukuman tadi akan dipenuhi oleh gas hidrogen sianida maut. Walau bagaimanapun, kematian melalui kaedah gas beracun berlaku secara perlahan dan sakit. Sebagai contoh, salah seorang pembunuh yang dihukum mati menggunakan gas beracun iaitu Jimmy Lee Gray pada tahun 1983, dengan cemas tercungap-cungap, mengerang, dan menghentam kepalanya ke dalam satu paip keluli untuk sepuluh minit sebelum mati. Namun, pada tahun 1996, Circuit Court of Appeals telah memerintah supaya pelaksanaan hukuman mati menggunakan gas beracun dijadikan sebagai hukuman luar biasa dan kejam.

2.4.7 Kerusi Elektrik

Hukuman kerusi elektrik bermaksud menggunakan kerusi yang telah dikhaskan untuk banduan dan selepas itu banduan tersebut dikehendaki menduduki atas kerusi tersebut di mana kepala dan badan tertuduh akan dilengkapi elektrod tembaga untuk menghubungkan bekalan elektrik.

Berdasarkan kepada sejarah, hukuman menggunakan kerusi elektrik ini dikatakan berasal daripada negara Amerika Syarikat di mana tertuduh dibunuh dengan keadaan badan tertuduh akan diikat di sebuah kerusi untuk kejutan elektrik melalui elektrod (Ahmad Fauzi, 2004). Ini kerana apabila tertuduh diletakkan di sebuah kerusi khas, pelbagai lingkaran berbeza voltan dan duriasi arus dilepaskan terhadap badan tertuduh yang bertujuan untuk merosakkan organ dalaman seperti otak dan kerosakan organ penting (jantung) di mana akan menyebabkan tertuduh akan menjadi tidak sedarkan diri sehingga mematikan otak tertuduh dan sel-sel penting dalam badan tertuduh (Ahmad Fauzi, 2004). Filipina juga melaksanakan hukuman kerusi elektrik di mana hukuman ini telah dilaksanakan pada tahun 1924 semasa penjajahan Amerika Syarikat. Namun pelaksanaannya berlanjutan sehingga tahun 1976 dan selepas pada tahun 1976 pelaksanaan hukuman ini tidak lagi guna pakai hingga kini.

2.4.8 Suntikan (*Lethal Injection*)

Pelaksanaan menggunakan kaedah suntikan ini membabitkan tiga kelas bahan kimia yang mempunyai pelbagai jenis dan jumlahnya. Tiga kelas bahan kimia tersebut merangkumi yang pertama bahan kimia jenis '*Sodium Thiopental*' yang disuntik bertujuan untuk banduan tidur dengan nyenyak dan selepas itu bahan kimia '*Pancurium Bromide*' akan disuntik sehingga banduan tersebut pengsan dan nafas berhenti dan akhir sekali bahan kimia jenis '*Potassium Chloride*' disuntik bertujuan untuk memberhentikan jantung (Todung & Alexander, 2009).

Ahli fizik dan doktor Nazi di German pada awalnya menggunakan suntikan maut dalam perjalanan program eutanasia Nazi terhadap negara secara fizikal dan intelektual anak-anak cacat dan orang dewasa di akhir tahun 1930-an dan awal 1940-an (disebut sekarang sebagai Action T4). Gas beracun kemudian diterima sebagai suntikan maut yang seterusnya menjadi kaedah yang agak mahal.

Selepas Mahkamah Agung mengembalikan hukuman mati dalam 1976, United States telah menceburi ke dalam suntikan maut dalam 1977, apabila pastor Oklahoma muda dan penggubal bernama Bill Wiseman dan pemeriksa perubatan, Jay Chapman, membuat satu percubaan membangunkan satu kaedah melaksanakan hukuman ke atas banduan-banduan dengan kaedah yang kurang menyakitkan berbanding kaedah hukuman mati melalui kejutan elektrik. Walaupun Wiseman telah muncul untuk menentang hukuman mati,

Oklahoma terlebih dahulu menjadi negeri yang paling banyak mengambil suntikan maut sebagai cara melaksanakan hukuman ke atas banduan-banduan.

Suntikan maut telah digunakan pertama kali di Amerika Syarikat pada 2 Disember 1982, apabila State of Texas membunuh Charles Brooks di mana Jr. California telah menggunakan suntikan maut buat kali pertama ke atas William Bonin, dalam tahun 1996. China, setakat ini merupakan negara pembunuh yang paling aktif di dunia (walaupun mereka tidak melaporkan statistik, ia dipercayai melakukannya beribu-ribu kali suntikan maut setiap tahun). Selain China, Thailand, Taiwan, Guatemala, Filipina, turut mengamalkan suntikan maut sejak 1997.

2.5 Hukuman Mati di Malaysia (Teknik Gantung)

Kaedah pelaksanaan hukuman mati di Malaysia menggunakan kaedah gantung yang melibatkan kes-kes seperti pengedaran dadah (berdasarkan kuantiti yang ditetapkan), membunuh dengan niat dan juga pemilikan senjata api (Azman & Mohd Al-Ikhsan, 2010).

Menurut Abdul Azizi (2003), berdasarkan kepada sistem undang-undang di Malaysia, pelaksanaan hukuman mati akan dilaksanakan selepas individu yang didapati bersalah dibicarakan terlebih dahulu melalui beberapa peringkat iaitu;

- i) Mahkamah Tinggi
- ii) Mahkamah Rayuan

iii) Mahkamah Persekutuan.

Menurutnya lagi, apabila ketiga-tiga peringkat mahkamah telah memutuskan tertuduh bersalah, maka tertuduh akan diberi peluang terakhir iaitu rayuan pengampunan kesalahan yang dilakukan dan hendaklah tertuduh mengemukakan kepada Yang Di Pertuan Agong atau Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Yang Di Pertua Negeri, bergantung pada kesalahan dan tempat itu dilakukan. Apabila rayuan pengampunan ditolak oleh Yang Di Pertua Agong atau Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Yang Di Pertua Negeri, maka keputusan yang telah diputuskan oleh mahkamah sebelum ini adalah muktamad dan pihak mahkamah memerintahkan supaya Jabatan Penjara menjalankan hukuman gantung sampai mati (Abdul Aziz, 2003).

Menurut Ahmad Fauzi (2004), bagi individu yang dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh mahkamah di Malaysia, kebiasaannya mereka akan melalui proses dari segi aspek perundangan seperti memakan masa yang panjang. Sebagai contohnya di Penjara Pokok Sena, purata individu yang menjalani hukuman mati bermulanya di jatuh hukum oleh Mahkamah Tinggi adalah berbeza dan masa yang diambil untuk dijatuhkan hukuman bertahun-tahun di mana ada yang melibatkan antara 1 hingga 9 bulan dan ada juga mengambil masa sehingga 7 tahun lebih. Pengambilan masa ini disebabkan pelbagai proses perlu dilalui seperti proses perundangan tamat dan rayuan untuk meringankan hukuman telah ditolak oleh Lembaga Pengampunan, pihak penjara terlibat akan menunggu arahan untuk menjalankan hukuman. Apabila arahan melaksanakan hukuman

dikeluarkan oleh mahkamah, pihak Jabatan Penjara akan mengendalikan urusan pelaksanaan hukuman gantung berasaskan 5 fasa tindakan (Ahmad Fauzi, 2004).

2.6 Kajian Lepas

2.6.1 Penerimaan Banduan Terhadap Hukuman Mati Dalam Aspek Emosi

Anderson (2005) yang mengkaji keadaan 'trauma' yang dialami oleh banduan sepanjang menunggu proses hukuman mati mendapati bahawa keadaan 'trauma' sepanjang menunggu proses hukuman mati dijatuhkan kepada pesalah tidak hanya dirasai oleh banduan sahaja, tetapi keadaan 'trauma' turut dialami oleh individu selain banduan seperti ahli keluarga mangsa, ahli keluarga pesalah, wakil keadilan bagi pesalah, pesalah dan juga saksi. Kajian yang telah dilakukan ke atas banduan di penjara yang terletak di United States ini mendapati bahawa penerimaan banduan terhadap hukuman mati yang akan dijatuhkan menunjukkan faktor yang negatif. Sebagai contoh, banduan yang dikaji menunjukkan gejala seperti tertekan, berkelakuan agresif dan gejala ingin membunuh diri. Ini menunjukkan emosi dan penerimaan yang dialami banduan adalah berunsur negatif.

Dieter (2008) yang mengkaji tentang kaedah pelaksanaan hukuman mati dan kesan penggunaan kaedah tersebut ke atas hukuman mati di United States (US) telah mewujudkan kontroversi dalam sistem perundangan di US yang melibatkan unsur budaya dan bangsa yang ada di negara berkenaan. Dalam kajiannya mendapati bahawa,

sesetengah mahkamah seperti di The Georgia Supreme Court, menyatakan hukuman mati menggunakan kaedah kerusi elektrik adalah sesuatu yang sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan. Keadaan ini telah menyebabkan undang-undang di negara tersebut mengurangkan kaedah hukuman mati menggunakan kerusi elektrik kepada pesalah.

Harrison dan Tamony (2010) pula telah mengkaji tentang fenomena hukuman mati, sindrom hukuman mati dan kesannya kepada kes-kes penting di United States. Kajian mendapati bahawa tahap penerimaan pesalah (banduan) terhadap hukuman mati adalah berunsur emosi yang negatif. Kajian mendapati, banduan lebih suka bersendirian dan mengurung diri mereka serta mengalami kegelisahan mental yang teruk sepanjang proses menunggu hukuman disabitkan. Seseorang pesalah yang berhadapan dengan hukuman mati juga mempunyai keadaan mental yang tidak stabil (Haney, 2009). Oleh itu, ini menunjukkan bahawa emosi yang negatif banyak membelenggu diri seseorang banduan ketika hampir menunggu hukuman disabitkan dengan kesalahan berat yang mereka lakukan.

2.6.2 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Banduan Melibatkan Diri Dalam Jenayah

Ganzer dan Sarason (1973) telah menjalankan kajian mereka tentang pemboleh ubah yang dikaitkan dengan perlakuan jenayah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti, menyiasat dan cuba mengasingkan pemboleh ubah – pemboleh ubah yang akan membezakan di antara perlakuan jenayah dan bukan perlakuan jenayah dalam satu

sampel yang telah dikelompokkan. Sampel kajian berdasarkan kepada beberapa fail kes dan dibuat perbandingan antara 200 responden iaitu 100 lelaki, 100 perempuan, dan sebahagian kumpulan telah dikenal pasti sebagai pelaku jenayah dan sebahagiannya bukan pelaku jenayah. Dalam kajian ini juga, 34 latar belakang keluarga dan personaliti diri juga turut dibandingkan. Kajian ini menunjukkan bahawa golongan pelaku jenayah diklasifikasikan kepada (umur yang lebih muda) dan (mempunyai personaliti sosiopatik) berbanding golongan bukan pelaku jenayah. Begitu juga, bagi (wanita lebih membawa masalah dan kecelaruan dalam keluarga berbanding lelaki). Justeru itu, dapatan kajian telah menggariskan bahawa perbezaan-perbezaan jantina adalah penting dalam penyelidikan sebagai peramal kepada perlakuan jenayah.

Singh dan Sharma (1977) telah mengkaji tentang hubungan dari kesan keruntuhan rumah tangga dari aspek fizikal dan psikologikal. Kajian yang telah dilakukan ke atas 150 orang responden perempuan dan 150 orang responden lelaki mendapati terdapat perbezaan di antara kelompok lelaki dan perempuan dalam insiden keruntuhan rumah tangga. Menurutnya lagi, pesalah juvana kebanyakannya didapati wujud dari kerosakan atau keruntuhan psikologikal berbanding keruntuhan fizikal dalam rumah tangga tanpa mengambil kira jantina.

Manakala Shader (2003) dalam kajiannya tentang faktor risiko bagi kesalahan atau pesalah pula menyatakan bahawa faktor risiko bagi setiap kesalahan adalah dibahagikan kepada faktor tahap individual iaitu psikologi, tingkah laku, mental dan kesihatan. Kedua, faktor sosial iaitu pengaruh rakan sebaya. Ketiga faktor komuniti seperti polisi sekolah

dan kejiranan. Manakala, Shader membahagikan faktor perlindungan kepada aspek individu; toleransi, IQ tinggi, pergaulan sosial yang positif dan penerimaan; faktor keluarga; sokongan dari keluarga, ibu bapa, galakan membina daripada ibu bapa; faktor sekolah; komitmen kepada sekolah dan menyertai pelbagai aktiviti berfaedah di sekolah dan; faktor rakan sebaya iaitu berhubungan dengan rakan yang mempunyai tingkah laku yang positif.

Wasserman, Keenan, Tremblay, Coie, Herrenkohl, Loeber dan Petechuck (2003) pula telah mengkaji mengenai faktor risiko dan pesalah jenayah dalam kes yang berprofil tinggi dan sentiasa mendapat perhatian dari masyarakat. Menurut kajian, faktor yang menyumbang kepada jenayah adalah seperti faktor individu; tingkah laku awal anti sosial, emosi, pembinaan kognitif yang rendah, faktor keluarga; ibu bapa, penganiayaan, kekerasan keluarga, perceraian, psikopatologi keibubapaan, tingkah laku anti sosial keluarga, struktur keluarga; faktor rakan sebaya; perhubungan dengan rakan yang menyimpang (*deviant peer*) dan penolakan dari kawan-kawan; faktor komuniti dan sekolah, kawasan kejiranan yang tidak teratur dan kekacauan.

Osher dan Steadman (2007) telah mengkaji tentang faktor psikiatri yang membawa kepada perbuatan jenayah. Kajian yang dilakukan mendapati bahawa, kesihatan mental yang tidak seimbang telah menjadi salah satu punca mempengaruhi banduan melibatkan diri dalam jenayah berat. Kesakitan mental yang serius telah membawa kepada jenayah yang akhirnya merosakkan diri seseorang individu. Menurut mereka lagi, kesakitan mental yang berlaku dalam kalangan banduan adalah berpunca daripada struktur

kehidupan harian yang tidak seimbang yang dihadapi oleh individu tersebut serta trauma yang pernah dialami dalam menjalani rutin kehidupan mereka.

Adepoju (2007) dalam kajiannya pula menyatakan bahawa di United States, individu yang bergelar seorang remaja seawal umur 13 tahun juga banyak melakukan jenayah berat dan dijatuhkan hukuman mati penjara akibat kesalahan yang dilakukan. Walau bagaimanapun, di United States Supreme Court, hukuman mati hanya akan disabitkan ke atas remaja berkenaan apabila remaja tersebut mencecah umur sekurang-kurangnya 16 tahun. Kebanyakan remaja yang terlibat dengan jenayah berat seawal usia yang masih muda banyak terpengaruh dengan unsur-unsur negatif dari luar seperti faktor persekitaran akibat tidak mendapat kawalan yang ketat dari ibu bapa. Masalah mental remaja yang tidak seimbang turut banyak mempengaruhi mereka melakukan jenayah mengikut naluri mereka.

Wanner, Vitaro, Carbonneau dan Tremblay (2009) telah mengkaji tentang silang hubungan antara pertaruhan (judi), penggunaan bahan, kecurian dan keganasan dari peringkat pertengahan dewasa ke peringkat awal dewasa. Kajian yang dilakukan menunjukkan faktor risiko yang mempengaruhi banduan melibatkan diri dalam jenayah adalah seperti rintangan atau halangan dalam perlakuan, rakan-rakan yang menyimpang dan penyeliaan ibu bapa adalah sebagai faktor risiko biasa yang mampu menyederhanakan hubungan tersebut. Mereka berpendapat bahawa setiap faktor risiko adalah berkaitan dengan setiap kelakuan masalah. Dapatan kajian mengenai silang hubungan dengan masalah kelakuan juga menunjukkan bahawa penyertaan individu

dalam masalah pertaruhan (judi), penggunaan bahan, kecurian dan keganasan adalah signifikan dan saling mempunyai hubungan antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, dapatan kajian seterusnya menyatakan bahawa faktor risiko iaitu rakan-rakan yang menyimpang secara positif berkait rapat dengan setiap masalah kelakuan dalam tempoh keremajaan seperti kecurian dan salah guna bahan.

Murray dan Farrington (2010) yang mengkaji tentang faktor-faktor risiko bagi kekacauan kelakuan dan kesalahan berdasarkan kepada penemuan-penemuan utama dari kajian-kajian longitudinal mendapati bahawa faktor-faktor individu melibatkan diri dalam jenayah yang menjadi peramal kepada kekacauan kelakuan dan kesalahan adalah seperti desakan, memiliki IQ yang rendah bermula dari pencapaian sekolah rendah, kemiskinan ibu bapa, kekurangan penyeliaan daripada ibu bapa, sikap ibu bapa yang dingin, disiplin dari ibu bapa yang tidak menentu, penderaan fizikal ke atas anak, konflik ibu bapa, keluarga – keluarga diganggu, ibu bapa anti sosial, saiz keluarga besar, pendapatan keluarga rendah, teman-teman sebaya yang antisosial, kadar delinkuens sekolah yang tinggi dan kadar jenayah di kejiranan yang tinggi. Walau bagaimanapun, menurut mereka lagi setiap faktor tersebut yang wujud tidak diketahui sama ada mempunyai kesan-kesan, sebab dan akibat.

2.6.3 Punca-Punca yang Mengganggu Emosi Diri Banduan

Walters, Mann, Miller, Hemphill dan Chlumsky (1988) dalam kajian mereka mengenai gangguan emosi menyatakan bahawa kelaziman gangguan emosi yang serius terjadi dalam kalangan banduan yang lebih muda. Menurut mereka lagi banduan yang lebih muda

cenderung untuk memenuhi kriteria yang menunjukkan gangguan afektif terutamanya keadaan emosi yang tidak stabil dan terganggu. Dapatan kajian turut membuktikan bahawa tahap Psikopatologi banduan menderitanya Skizofrenia adalah lebih tinggi.

Schultz dan Schultz (1998) menyatakan setiap individu sentiasa membuat penilaian setiap perkara yang berlaku terhadap dirinya dan akan berkelakuan sejajar dengan konsep sendiri yang dimilikinya dengan pengalaman atau perasaan yang dialaminya bagi menentukan apakah bentuk tingkah laku yang akan dihasilkannya. Dalam pada itu juga, Schultz dan Schultz (1998) menyatakan punca yang mengganggu emosi diri disebabkan seseorang individu itu memiliki konsep sendiri yang rendah yang seterusnya akan meningkatkan elemen-elemen negatif dalam diri seperti emosi menjadi negatif, putus asa, berkonflik dan lain-lain unsur tingkah laku negatif.

Meltzer dan Huckabay (2004) dalam kajian mereka pula mendapati keadaan ketegangan moral mempunyai hubungan signifikan yang kuat dengan keletihan emosi di mana ianya akan mencetuskan kepada *burnout* dan seterusnya menjadi gangguan kepada emosi seseorang individu. Selain itu, hasil kajian mereka juga menunjukkan bahawa kebanyakan individu yang cetek pegangan agama didapati mempunyai skor purata yang tinggi dalam sub tema skala keletihan emosi berbanding individu yang mempunyai pegangan agama (Meltzer & Huckabay, 2004).

Beberapa kajian berhubung dengan keberkesanan terapi agama dapat membendung ketegangan emosi, dengan syarat individu itu mempunyai pegangan agama dan sedar mereka adalah makhluk ciptaan Yang Maha Kuasa. Dalam konteks agama Islam, terdapat

banyak kajian telah dilakukan bagi mengurangkan masalah tersebut. Kajian yang dilakukan oleh Nor Azah et al., (2008) terhadap 50 pelajar tahfiz menunjukkan tekanan darah berkurangan selepas melakukan solat fardhu berbanding dengan kadar tekanan darah sebelum melakukan ibadah solat fardhu. Kadar tekanan darah adalah pada tahap yang normal dan melambangkan keadaan yang tenang tanpa stress selepas menunaikan solat fardhu. Fakta ini bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad S.A.W yang memerintahkan umatnya bersolat ketika menghadapi kemarahan dan telah terbukti bahawa solat memberikan kesan yang pantas terhadap sistem saraf dengan memberi ketenangan dan keseimbangan. Solat juga turut menjadi penawar kepada insomnia atau penyakit sukar tidur yang disebabkan oleh kegagalan sistem saraf.

Menurut Fatimah, Wan Abu Bakar & Ng Siew (2008) ibadah solat yang dilaksanakan melibatkan pembacaan serta penghayatan ayat-ayat suci Al Quran serta doa-doa tertentu yang melibatkan pergerakan-pergerakan tertentu seperti berdiri betul, rukuk, duduk dan sujud. Pergerakan dan bacaan dalam solat ini membawa sesuatu kesan ketenangan kepada perasaan dan pemikiran mereka yang mendirikan solat. Menurut penyelidik ketenangan ini mungkin akibat perlakuan tokmakninah dalam solat. Kajian ini menunjukkan bahawa ibadat solat amat baik untuk mengekalkan tahap kestabilan mental dan emosi seseorang.

Kajian oleh penyelidik yang sama juga mendapati solat terawih selama 140 minit seminggu dan berpuasa boleh memberi impak yang setara dengan melakukan senaman

biasa selama 150 minit seminggu dan pengambilan diet yang seimbang. Kombinasi ibadat solat dan berpuasa boleh menjadi alternatif dalam mengamalkan gaya hidup sihat.

Menurut Amir dan Iran (2003) menjelaskan tentang cara menangani tekanan di tempat kerja melalui kaunseling berperspektif Islam. Antara cara adalah dengan dasar, struktur dan sistem organisasi, sifat kerja, perhubungan/persekitaran kerja, amalan pengurusan dan amalan Islam. Menurut mereka, amalan Islam boleh diamalkan dengan cara-cara seperti teguhkan keimanan dengan memohon kepada Allah S.W.T., mengambil wuduk dan solat hajat, membaca dan rajin mendengar Al-Quran, berzikir dan berdoa, bergaul dengan orang alim, menghadiri majlis ilmu, bermuhasabah diri selepas solat maghrib, memupuk amalan solat berjemaah, redha ketentuan ilahi dan bertawakal, bersyukur mengamalkan ajaran Islam dengan membuat kebaikan dan kebajikan, suka memaafkan orang lain, melakukan aktiviti riadah, menjauhi alkohol dan minuman keras dan niat bekerja kerana Allah S.W.T.

Iran dan Asmah (2003) mengkaji rawatan kemurungan di kalangan kanak-kanak dan remaja yang mengalami masalah kemurungan menggunakan amalan doa, wirid dan muhasabah diri mengikut perspektif Islam. Responden telah diuji dengan 3 jenis alat kemurungan iaitu Inventori Kemurungan Kanak-kanak, *Reynold's Depression Scale* dan *Beck Depression Inventory*. Menurut mereka, kaedah rawatan yang sedia ada di barat sesuai digunakan dalam konteks norma dan budaya tempatan kerana terbukti memberi kesan positif. Manakala kaedah rawatan Islam perlu mendapat perhatian yang serius oleh pengamal kaunseling dan psikologi kerana ia amat relevan dengan klien beragama Islam. Amalan doa, wirid dan proses muhasabah diri terbukti

mengembalikan keyakinan responden yang dapat mengurangkan masalah kemurungan setanding dengan terapi barat. Sesungguhnya proses muhasabah diri dapat mengetahui dan menilai sendiri yang terbukti bahawa individu yang lupa diri akan bertindak mencetuskan kemurungan dan tekanan.

Walau bagaimanapun, Banyon dan Blackburn (1978) pula menyatakan bahawa individu yang menghadapi kesan psikologi akibat membuat kerja atau perbuatan yang berulang-ulang akan terbiasa untuk menghadapi keresahan dan gangguan mental serta emosi. Semasa meninjau sikap para pekerja jenis masa kerja, Wedderburn (1978) pula mendapati individu yang mempunyai sikap negatif terhadap sesuatu yang mereka lakukan, membawa masalah gangguan emosi dan mental.

Morgan dan Poray (2009) telah mengkaji tentang 'trauma' dan ketagihan yang membawa kepada gangguan emosi seseorang individu. Trauma terjadi akibat daripada pelbagai faktor seperti peperangan, bencana alam, kesakitan akibat ancaman dalam hidup, serangan fizikal atau seksual. Faktor-faktor ini salah satunya telah menjadi punca kepada gangguan emosi seseorang individu. Dalam aspek ini, kesakitan akibat ancaman daripada mana-mana sumber seperti hukuman (mati), telah menjadi punca pergolakan emosi seseorang banduan di penjara. Mereka juga menyatakan bahawa trauma yang berlaku turut membawa kepada perubahan tingkahlaku dan tindakan seseorang individu. Bagi menghadapi trauma agar tidak mendatangkan kemudaratan kepada orang lain, faktor persekitaran seperti peranan orang di sekeliling adalah penting dalam memainkan

peranan untuk membantu menyelesaikan masalah trauma yang dihadapi oleh seseorang itu, sebagai contoh khidmat kaunseling.

Stuewig, Tangney, Heigel, Harty dan McCloskey (2009) telah mengkaji tentang perasaan malu dan rasa bersalah yang menjadi fungsi kepada pembentukan emosi moral dan sifat agresif banduan. Kajian yang dilakukan menggunakan kaedah '*path analysis*' ini membuktikan bahawa faktor malu dan rasa bersalah yang menebal dalam diri seseorang banduan telah menjadi faktor yang mempengaruhi dan membentuk emosi negatif banduan di penjara saat menghadapi hukuman. Emosi negatif yang ditunjukkan banduan akibat rasa malu dan bersalah ini adalah seperti bertindak agresif, tekanan, kerisauan dan berhadapan dengan masalah '*posttraumatic stress disorder*'.

2.6.4 Alternatif yang Sesuai Bagi Menguruskan Emosi Diri Banduan

Schutte, Malouff, Dobik, Coston, Greeson, Jedlika, Rhodes dan Wendorf (2001) yang mengkaji tentang kebijaksanaan emosi dan hubungan '*interpersonal*' di United States berpendapat bahawa alternatif yang sesuai bagi menguruskan emosi seseorang adalah dengan meningkatkan faktor kerjasama, bermain dengan kebijaksanaan emosi individu, mengambil berat soal perspektif empati, kemahiran sosial dan kepengawasan ke atas diri sendiri. Menurut mereka lagi, kesemua aspek ini adalah penting bagi memastikan pengurusan emosi yang bijak untuk terutamanya untuk setiap individu dalam menghadapi situasi yang sukar.

Sloane (2003) dalam kajiannya pula menyatakan bahawa latihan kemahiran sosial dalam kalangan pegawai di penjara adalah penting sebagai alternatif berkesan untuk mengawal banduan-banduan di penjara dari aspek tingkahlaku dan mental mereka. Kajian yang melibatkan responden dalam kalangan sukarelawan dari Delaware Correction Center (Prison), Amerika Syarikat (DCC) ini mendapati bahawa latihan kemahiran sosial di penjara dapat meningkatkan faktor psikometrik pegawai penjara dalam menguruskan banduan. Kajian juga menunjukkan bahawa kemahiran sosial yang dipraktikkan melalui Alternatives to Violence Program (AVP) semasa bertugas mampu membendung masalah perlakuan banduan di penjara. Sebagai contoh, seorang pegawai dapat mengawal kemarahan banduan semasa bertugas. Sloane (2003) juga menyatakan bahawa latihan kemahiran sosial melalui Alternatives to Violence Program (AVP) telah berjaya meningkatkan kepercayaan diri dan keyakinan pegawai untuk bertugas di penjara dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi (*interpersonal*) dalam kalangan pegawai dan banduan.

Pearce dan Haigh (2008) pula berpendapat alternatif yang sesuai bagi menguruskan emosi adalah dengan pelaksanaan kaedah terapi. Kaedah terapi yang menggabungkan aspek tingkahlaku kognitif, tingkah laku '*dialectical*', kognitif analitik dan mental mampu memastikan kesihatan emosi seseorang individu berada pada tahap yang baik dan stabil.

2.7 Teori

Bahagian ini menyentuh berkenaan teori yang digunakan berkaitan dengan penerimaan banduan terhadap hukuman mati yang dilihat dari perspektif emosi. Teori digunakan dalam kajian ini kerana ianya merupakan satu pendapat iaitu bersifat ramalan yang tidak dapat dibuktikan dengan kukuhnya dan perlu sokongan untuk menerangkan sesuatu perkara. Ia juga merupakan prinsip-prinsip am atau asas-asas kasar yang menjadi dasar pembentukan. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Rasional Emotif Terapi dan Teori Lima Peringkat Kesedihan.

2.7.1 Teori Rasional Emotif Terapi

Teori Rasional Emotif Terapi (RET) diasaskan oleh sarjana Albert Ellis yang dilahirkan pada tahun 1923 di Pittsburgh, Amerika Syarikat. Beliau merupakan seorang pakar dalam perkhidmatan kaunseling yang berkaitan terapi kekeluargaan, perkahwinan dan seksual. Pada tahun 1947 hingga 1953, beliau telah menjalankan satu kajian klasikal berasaskan psikoterapi dan hasil kajian menunjukkan terapi psikoanalisis tidak menyeluruh dan serba kekurangan. Daripada hasil kajian inilah terbinanya teori RET bagi menggantikan teori Psikoanalisis (diperkenalkan oleh Freud) selepas beliau mendapati teori Psikoanalisis tidak mendalami dan bentuk pemulihan yang serba kekurangan (tidak saintifik) sehinggakan ada individu yang menjadi lebih teruk selepas menjalani pendekatan yang diperkenalkan oleh Freud (Sapora & Ruhaya, 2008). Teori RET yang diperkenalkan oleh beliau pada tahun 1955 telah menggabungkan elemen-elemen seperti terapi kemanusiaan,

filosofikal dan tingkah laku (Sapora & Ruhaya, 2008). Semenjak itu beliau terkenal sebagai bapa kepada teori RET.

Menurut Ellis (1955), pendekatan teori RET menunjukkan bahawa kepercayaan, penilaian, interpretasi dan tindakan daripada situasi kehidupan menjadi punca kepada faktor emosi individu. Dalam proses emosi rasional, pelanggan akan diajar mengenai kemahiran yang akan digunakan untuk mengenal pasti dan memerangi kepercayaan yang telah lama terpendam dalam diri individu seseorang. Hal ini kerana, teori RET lebih bersifat berpendidikan daripada perubatan yang direka dalam keadaan di mana kaunselornya aktif terarah dengan tepat dan mengajar (Ellis, 1955).

2.7.1.1 Pendekatan Teori

Menurut Corney (2007) dan Sapora (2010), RET juga dikenali sebagai terapi ABC di mana ianya memberi penekanan kepada teknik atau kaedah seperti efektif, kognitif dan tingkah laku. Kaedah efektif berkaitan peranan yang dimainkan oleh individu dan gambaran mengenai imej dan latihan menyerang perasaan malu. Teknik kognitif adalah berkaitan pertikaian kepercayaan tidak rasional seseorang, pelaksanaan kerja rumah yang berkaitan kognitif, teknik bahasa yang digunakan dan cara atau corak pemikiran seseorang individu. Bagi teknik tingkah laku bertujuan untuk menggunakan pelbagai teknik tersebut dalam meningkatkan penglibatan klien supaya bersungguh-sungguh dalam sesi kaunseling diberikan (Malek, 2007).

Penekanan teori ini juga lebih kepada penganalisaan, perlakuan, pemikiran, penilaian dan membuat keputusan yang dilihat lebih bercorak mengajar, mengarah dan juga mengutamakan kepada pemikiran daripada kepercayaan yang tidak rasional (Ellis & Dryden, 1997). Dalam konteks ini ia merupakan satu sistem pendidikan yang memberi tunjuk ajar kepada individu dalam melihat sistem kepercayaan yang sebelum ini tidak membawa kesejahteraan dan kebahagiaan pada individu dan digantikan dengan satu set kepercayaan yang memberi kesejahteraan dan kebahagiaan kepada diri individu dan seterusnya kepada orang yang mempunyai pertalian dengannya (Ellis & Dryden, 1997).

Menurut Ellis dan Dryden (1997), prinsip terapi RET akan digunakan apabila menghadapi masalah berkaitan situasi semasa, masalah-masalah yang lain dalam kehidupan individu dan masalah yang dijangka untuk masa hadapan. Prinsip ini memberi tumpuan kepada pemikiran individu dan tindakan yang harus dilakukan selepas diteliti dengan sepenuhnya bukannya mengikut perasaan diri di mana kaunselor akan bertindak sebagai seorang guru dalam memberi tugas kepada klien berkaitan dengan terapi ini (Ellis & Dryden, 1997).

Di samping itu, Teori Rasional Emotif Terapi (RET) ini mengandaikan bahawa seseorang individu mempunyai potensi untuk bertindak sama ada di dalam bentuk rasional mahupun bentuk secara tidak rasional. Tindakan yang berbentuk rasional adalah merupakan keberkesanan yang bersifat produktif, manakala tindakan tidak rasional pula merupakan satu keadaan yang tidak gembira dan tidak bersifat produktif.

Manakala Blackham (1997), menyatakan terdapat dua tujuan utama Teori Rasional Emotif Terapi (RET). Pertama, memperkenalkan kepada pelanggan bahawa berinteraksi terhadap diri sendiri adalah kesan daripada gangguan. Kedua, membuat penilaian yakni berkata-kata dalam diri sendiri untuk tidak menerima pandangan yang tidak berasas. Buku-buku seperti *The Art And Science Of Love*, buku *The Intelligent Woman's Guide To Man-Hunting*, *Humanistic Psychotherapy* dan buku bertajuk *The Rational-Emotive Approach* banyak memberi pandangan terhadap sifat manusia (Blackham, 1997). Sebagai contoh, kebolehan manusia untuk berfikir tentang sesuatu perkara melalui proses-proses tertentu. Selain itu Ellis (1955) turut menggalakkan manusia agar sentiasa beranggapan bahawa diri mereka memiliki berkebolehan tertentu. Ellis (1955) turut menyatakan bahawa manusia boleh menggunakan rasional mereka dalam mengurus diri sendiri.

Muhd Mansur (1997) pula berpendapat bahawa Ellis banyak menggunakan sistem psikologi dan sistem falsafah. Dia menggabungkan isi kandungan berupa Falsafah Stoic, Psikoanalisis Freud, Psikologi Individu Alfred Adler dan Orientasi tingkah laku Pavlov serta Wolpe. Oleh itu, Muhd Mansur (1997) mengandaikan kesemua sistem itu banyak menyumbang dalam memperkukuhkan lagi teori dan pendekatan yang digunakan. Sebab itulah Ellis (1955) menekankan: "*When people emote they also think and act. When they act, they also think and emote. When they think, they also emote and act. To understand self-defeating behavior, one must understand how a person feels, thinks, perceives and acts*" (Ellis, 1955).

2.7.1.2 Pandangan Teori Terhadap Manusia

Ikatan antara faktor emosi dan juga faktor pemikiran saling bersangkutan dan tidak boleh untuk dipisahkan. Oleh itu, proses dan pengaruh budaya serta pembelajaran dipengaruhi oleh faktor pemikiran dan kepercayaan yang tidak rasional. George dan Cristiani (1995) turut membuat andaian bahawa manusia bertindak sebagai penilai, perunding dan juga pengawal diri. Dalam masa yang sama, terjadinya gangguan emosi dan tingkah laku, bermula apabila manusia mengandaikan keinginan untuk disayangi dan pengiktirafan di atas kejayaan sebagai keperluan yang utama (George & Cristiani, 1995).

Selain itu, teori RET juga melihat kepada kelahiran manusia lebih cenderung ke arah perkembangan dan pengiktirafan diri sendiri namun ada kala individu akan cuba mengkhianatinya disebabkan mereka berfikir secara tidak rasional (Corey, 1999). Corey (1996) juga menyatakan terapi RET kebiasaannya berpandukan kepada andaian sematamata iaitu kelahiran manusia dilengkapi dengan keupayaan untuk berfikir secara rasional iaitu setiap manusia akan berusaha untuk menjaga dirinya, saling sayang menyayangi, sentiasa ingin kegembiraan, sentiasa berfikir, berinteraksi antara satu sama lain, sentiasa mempunyai sifat untuk memperkembangkan dirinya dan juga inginkan pengiktirafan dalam diri sendiri. Namun menurut Corey (1996), kadangkala manusia juga cenderung merosakkan diri mereka, malas berfikir, menanggung sesuatu perkara yang ingin dibuat, mengulangi kesilapan yang sama, tidak bersabar, pentingkan kesempurnaan diri, sentiasa menyalahkan diri sendiri, mengelakkan pengiktirafan yang diberikan (Corey, 1996).

Hackey dan Cormier (1995), mengandaikan bahawa RET yang mengaitkan dengan masalah emosi manusia disebabkan manusia mempunyai pemikiran yang tidak rasional. Menurutnya lagi pertalian antara emosi dan pemikiran saling bergantung antara satu sama lain dan tidak boleh dipisahkan. Manusia juga dilahirkan dengan suatu potensi untuk berfikir secara rasional dan juga secara tidak rasional. Manusia sendirilah penyebab kepada mereka merasa diri terganggu dan bukannya gangguan itu berpunca dari sumber luaran tetapi diri mereka sendiri (Hackey & Cormier, 1995).

Manusia juga berkeupayaan untuk cuba mengubah proses-proses berkaitan emotif, kognitif dan tingkah laku mereka. Mereka berupaya untuk memilih bertindak dengan kaedah yang berbeza daripada keadaan tingkah laku yang normal. Di samping itu, mereka juga boleh menentukan untuk tidak membenarkan dirinya terganggu dan boleh melatih diri mereka untuk mengalami gangguan yang minimum selagi masih hidup (Sapora & Ruhaya, 2012).

Dalam teori RET, seseorang individu yang mempunyai masalah akan mempunyai satu sistem kepercayaan yang tidak rasional mengenai perkara yang dialami atau dilihatnya. Ellis (1955), mengemukakan beberapa idea mengenai pemikiran yang tidak rasional seperti individu mempercayai bahawa hanya disayangi oleh manusia yang penting sahaja iaitu ibu-bapa, adik-beradik dan rakan-rakan. Individu juga mempercayai bahawa dirinya seorang yang berkebolehan dan berkemampuan. Seseorang individu juga mempercayai bahawa jika terdapat individu yang lain melakukan kesalahan atau tidak berlaku adil, maka seharusnya ia dikritik dan menyalahkan dirinya dan dilihat sebagai orang yang

tidak baik. Ellis (1955) mempercayai situasi masa lampau juga dianggap penting kerana ia boleh mempengaruhi hidup seseorang individu. Menurutnya lagi, mempercayai masa lampau itulah yang akan menentukan perasaan seseorang individu pada masa kini (Ellis, 1955).

2.7.1.3 Sebelas Pemikiran Tidak Rasional

Terdapat 11 pemikiran tidak rasional yang telah dikemukakan oleh Ellis (1955) yang dikatakan mengganggu sistem kepercayaan manusia iaitu;

1. Seseorang itu sangat memerlukan dirinya dikasihi dan disayangi.
2. Seseorang itu memerlukan dirinya yang serba lengkap, cepak dan berjaya dalam semua perkara yang dibuat.
3. Ada sesetengah manusia berhati jahat dan kejam. Manusia seperti ini seharusnya diberikan hukuman dengan setimpal kesalahan yang dilakukan individu tersebut.
4. Kadangkala lari lebih senang apabila menghadapi kesulitan berbanding untuk bertanggungjawab menghadapinya.
5. Tiap-tiap perkara yang dilakukan perlulah mengikut perancangan. Namun apabila segala perancangan tidak menjadi ia akan membawa malang dan teruk kepada seseorang kerana impian yang diinginkan tidak tercapai.
6. Kadangkala manusia tidak mampu untuk mengawal diri mereka disebabkan oleh di luar kawalan individu dan juga faktor-faktor luaran.

7. Keadaan masa lampau dalam kehidupan seseorang penentu kepada tingkah laku mereka dan ia tidak boleh diubah.
8. Apabila sesuatu perkara yang dibuat boleh mendatangkan bahaya dan merosakkan, seseorang itu perlulah mengambil berat dan berwaspada setiap masa bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini.
9. Seseorang itu kadangkala seharusnya perlu bergantung pada individu lain yang dilihat lebih berkuasa dan kuat.
10. Seseorang individu itu sepatutnya mengambil berat dan merasa susah hati dengan masalah orang lain.
11. sentiasa memerlukan jawapan yang betul dan tepat kepada sesuatu masalah yang berlaku.

(Sabariah Siron, 2005)

Dalam kajian ini, teori RET akan digunakan bagi menjawab objektif kajian yang telah digariskan. Dalam hubungan kepenjaraan, banduan akhir menghadapi kehidupan yang pelbagai situasi, samada keadaan dirinya sendiri, hubungan kekeluargaan yang tanggungjawab yang tidak dapat disempurnakan, kehidupan sebelum ditangkap dan setelah ditangkap. Pemikiran rational dan Sebelas Pemikiran Tidak Rational akan dapat membantu banduan menyesuaikan diri dengan kehidupan yang baru dan berusaha untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang mendatang. Penerimaan terhadap hukuman mati penting bagi meredakan gangguan emosi dan mereka dapat berkelakuan rational setiap tindak tanduk mereka tanpa menjejaskan keselamatan diri sendiri, banduan di sekeliling dan mereka yang berurusan pada setiap hari.

Walau bagaimanapun, bagi mengukuhkan lagi aspek penerimaan banduan terhadap kematian melalui hukuman mati yang bakal mereka lalui, pengkaji mengemukakan sebuah lagi pendekatan iaitu Teori Lima Peringkat Kesedihan/Penderitaan (*Five Stages of Grief*).

2.7.2 Teori Lima Peringkat Kesedihan - Elisabeth Kübler-Ross (EKR)

Teori Lima Peringkat Kesedihan yang dipelopori oleh Elisabeth Kübler-Ross (1969). Ross (1969) telah merangka model bagi menggambarkan dengan lebih jelas penerimaan seseorang individu terhadap kematian dan kaunseling perkabungan, perubahan peribadi dan trauma. Beliau yang lebih dikenali sebagai Dr Elisabeth Kübler-Ross, telah merintis kaedah sokongan dan kaunseling bagi trauma peribadi, kedukaan dan kesedihan, yang dikaitkan dengan kematian. Beliau juga secara tidak langsung telah meningkatkan pemahaman dan amalan berhubung dengan perkabungan.

Idea-idea beliau, terutamanya lima peringkat model kesedihan (penafian, marah, tawar-menawar, kemurungan, penerimaan), juga boleh dipindahkan kepada perubahan peribadi dan kekecewaan emosi akibat daripada faktor-faktor selain daripada kematian dan mati. Sebagai contoh pemberhentian kerja, penempatan semula dikuatkuasakan, jenayah dan hukuman, kecacatan dan kecederaan, perceraian, masalah kewangan dan kebangkrapan. Menurut Dr. Elisabeth Kübler-Ross, 'kitaran kesedihan' sebenarnya adalah 'model perubahan' bagi membantu untuk memahami dan menangani dengan reaksi peribadi yang mengakibatkan trauma. Ianya bukan hanya untuk kematian semata-mata.

Hal ini adalah kerana trauma dan kejutan emosi relatifnya dari segi kesan ke atas rakyat. Dalam masa yang sama, individu boleh mengalami gangguan emosi yang sama apabila berurusan dengan pelbagai cabaran hidup, lebih-lebih lagi jika berhadapan dengan sesuatu yang sukar untuk pertama kali. Oleh sebab itu, model ini secara tidak langsung dapat membantu mengingatkan individu lain bahawa perspektif orang lain adalah berbeza untuk diri sendiri.

Lima peringkat model yang dipelopori oleh Kübler-Ross pada mulanya dibangunkan bertujuan untuk membantu pesakit yang bakal menghadapi kematian, untuk berdepan dengan kematian. Walau bagaimanapun, konsep daripada lima peringkat ini telah dapat memberikan pandangan dan bimbingan dalam menangani trauma peribadi, mengetahui emosi orang lain dan membantu orang lain menyesuaikan emosi dan menangani punca-punca emosi.

Jadual 2.1: Elisabeth Kubler-Ross: Lima Peringkat Kesedihan

| Peringkat EKR | Istilah |
|------------------|---|
| 1. Penafian | Penafian keengganan sedar atau tidak sedar untuk menerima fakta-fakta, maklumat, realiti, dan sebagainya, yang berkaitan dengan keadaan berkenaan. Ia adalah satu mekanisme pertahanan dan sempurna secara semula jadi. Sesetengah orang boleh menjadi terkunci di dalam peringkat ini apabila berurusan dengan perubahan traumatik yang boleh diabaikan. Kematian adalah sesuatu yang sukar untuk dielakkan untuk selama-lamanya. |
| 2. Kemarahan | Kemarahan boleh ditunjukkan dalam cara yang berbeza. Orang yang berurusan dengan kejutan emosi boleh marah dengan diri mereka sendiri, dan / atau dengan orang lain, terutamanya mereka yang rapat dengan mereka. Pengetahuan dalam lima peringkat EKR ini dapat membantu menjaga dan menangani seseorang dan membuat pertimbangan yang sewajarnya apabila berdepan dengan kemarahan seseorang. |
| 3. Tawar-menawar | Tradisi peringkat tawar-menawar bagi orang-orang yang sedang berhadapan dengan kematian. Sebagai contoh: Muslim yang memohon pertolongan Allah s.w.t supaya dipanjangkan umur. Dalam erti kata lain, orang yang menghadapi trauma yang kurang serius boleh tawar-menawar atau cuba untuk berunding secara kompromi. Sebagai contoh "Bolehkah kita masih menjadi kawan?". Apabila menghadapi 'break-up'. Tawar-menawar jarang menyediakan penyelesaian yang mampan, terutamanya jika ia adalah satu perkara hidup atau mati. |
| 4. Kemurungan | Merupakan jenis penerimaan diikuti dengan emosi. Ia adalah semula jadi untuk merasakan kesedihan dan penyesalan, ketakutan, ketidakpastian, dan lain-lain. Ia juga menunjukkan bahawa seseorang itu sekurang-kurangnya telah mula menerima realiti. |
| 5. Penerimaan | Berbeza-beza mengikut keadaan seseorang itu, walaupun secara umumnya ia adalah satu petunjuk bahawa terdapat beberapa pemisahan emosi dan objektiviti. |

Pendekatan Teori Lima Peringkat Kesedihan (EKR) ini amat sesuai digunakan bagi menjelaskan perubahan emosi banduan bagi menghadapi hukuman mati, bermula dari mereka peringkat dijatuhkan hukuman mati, proses rayuan, menunggu pengampunan negeri dan peringkat akhir menunggu pelaksanaan hukuman. Bagi kajian ini akan melihat perubahan emosi yang akan berlaku dari peringkat penafian terhadap tuduhan (reman), kemarahan (didapati bersalah), tawar-menawar (rayuan), kemurungan (rayuan ditolak)

dan akhirnya penerimaan (pelaksanaan hukuman). Bagi kajian ini, peringkat penafian iaitu peringkat reman tidak termasuk dalam skop kajian, ianya bermula dari peringkat kemarahan iaitu selepas di dapati bersalah. Segala perubahan akan melibatkan emosi banduan dari tahap kemarahan sehinggalah ia menerima takdir iaitu redha dengan ketentuan Illahi.

Kajian ini merupakan kajian kerja sosial, pengkaji berpendapat adalah perlu membantu banduan akhir sebagai dorongan untuk terus menjalani kehidupan walaupun saat-saat terakhir menghadapi kematian. Teori yang bersesuaian bagi kajian ini yang dipelopori oleh Helen Harris Perlman (1957) iaitu Model Penyelesaian Masalah (*Problem Solving Model*).

2.7.3 Model Pendekatan Penyelesaian Masalah – Helen Harris Perlman

Teori Pendekatan Penyelesaian Masalah yang dipelopori oleh Helen Harris Perlman (1957) telah merangka model dalam amalan kerja sosial yang diperolehi dari membantu kepada penyelesaian masalah kes-kes klien secara klinikal berhubung kesusahan dan kepayahan menghadapi aktiviti kehidupan seharian. Idea penyelesaian masalah manusia secara pragmatik merupakan kaedah intervensi yang digunakan terhadap klien. Kaedah pragmatik tersebut menekankan kelaziman dan kapasiti setiap individu yang mempunyai semangat berdikari untuk mencari ruang mengembangkan perubahan positif dalam sendiri individu menyelesaikan masalah (Perlman, 1957).

Beliau menyenaraikan secara ringkas langkah-langkah proses penyelesaian masalah :-

- a) Membuat jangkaan dan penerangan berdasarkan fakta masalah;
- b) Berfikir mengikut fakta dan
- c) Membuat pilihan dari alternatif-alternatif yang ada

Model Pendekatan Penyelesaian Masalah ini dikembangkan oleh Payne (1996) di mana menghubungkan perhubungan secara khususnya antara manusia. Peranan berpusat perhubungan dalam kehidupan manusia satu sama satu sama ada perhubungan mesra, ahli keluarga, pekerja antara pekerja atau pertalian perhubungan skala yang lebih besar seperti kumpulan dengan kumpulan yang lain, antara ras/ethnik ataupun agama, antara gender dalam satu masyarakat. Aktiviti terapi yang terlibat dijalankan oleh pekerja sosial klinikal bagi sesama manusia dan antara komponen masyarakat yang lebih besar.

Secara kesimpulannya, Perlman telah mempelopori satu dimensi baru dalam bidang kerja sosial, iaitu pendekatan menyelesaikan masalah secara kes demi kes dengan intervensi memberi dorongan kepada individu meningkatkan motivasi menyelesaikan masalah. Payne (1996) pula memperluaskan skop kajian yang meliputi komponen masyarakat.

Dalam konteks kepenjaraan, bertepatan dengan kajian ini bahawa peranan kerja sosial menyumbang kepada kesejahteraan kehidupan banduan. Pekerja sosial secara jelasnya di penjara seperti guru agama masing-masing sama ada dari Jabatan Kemajuan Agama Islam (JAKIM), Badan-Badan Bukan Kerajaan, Ahli Lembaga Hakim Pelawat dan juga Bahagian Pemulihan serta warden penjara sendiri dapat memainkan peranan mendorong

banduan meningkatkan motivasi, tidak kecewa dan tidak hanya menunggu hukuman sahaja. Jumlah banduan akhir yang ramai boleh digunapakai teori model pendekatan penyelesaian masalah antara agama, kaum dan warganegara seperti yang dikembangkan oleh Payne (1996).

Secara makronya, sumbangan hasil kajian kerja sosial ini dapat menyumbang ke arah penambahbaikan kejadian-kejadian seperti Jadual 1.4 kepada Jabatan Penjara secara tidak langsung dan warden penjara yang bertugas mengawal mereka. Matlamat akhir yang diharapkan dapat mengujudkan suasana kesejahteraan kehidupan banduan akhir.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bahagian ini menyentuh berkenaan reka bentuk kajian yang telah dijalankan merangkumi populasi kajian, sampel kajian, prosedur kajian dan instrumen kajian yang berkaitan dengan tahap penerimaan banduan terhadap hukuman mati yang dilihat dari perspektif emosi dan analisa data.

3.2 Reka Bentuk Kajian Kualitatif

3.2.1 Populasi Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, langkah pertama yang diambil adalah dengan memilih populasi untuk dikaji. Populasi kajian ini adalah diambil daripada responden di Penjara Pokok Sena, Kedah. Penjara Pokok Sena dipilih bagi kajian ini kerana mengelakkan unsur-unsur *bias* semasa sesi temubual dijalankan. Responden tidak mengetahui latar belakang pengkaji. Penjara Pokok Sena merupakan sebahagian penjara-penjara alaf baru yang dibina, mula beroperasi pada tahun 2005 dengan kapasiti muatan 2500 banduan. Pada masa pemilihan lokasi kajian, jumlah keseluruhan banduan Penjara Pokok Sena adalah sebenar di bawah muatan. Kemudahan infrastruktur yang baru dan lengkap ini dapat melancarkan urusan menjalankan kajian di lokasi. Populasi yang terdiri daripada

banduan akhir yang sedang menjalani proses hukuman gantung iaitu seramai 42 orang. Kenyataan banduan akhir sedang menjalani hukuman gantung bermakna sedang menunggu proses rayuan di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan dan Pengampunan Negeri masing-masing. Sampel akan dipilih itu juga diyakini mempunyai ciri-ciri kewakilan (*representativeness*) yang terdapat pada populasi tersebut. Mengikut Md Azree (2012) bagi kajian yang responden bersifat persampelan rawak bilangan responden tidak memainkan peranan yang besar bagi membuat inferensi dari data yang dianalisa.

3.2.2 Sampel kajian

Sampel kajian yang digunakan adalah seramai daripada 11 orang dengan menemu bual responden kes hukuman mati semasa menunggu perbicaraan, semasa menunggu proses rayuan, reman dan menunggu pelaksanaan hukuman gantung mengikut setiap kesalahan yang dilakukan. Bilangan sampel yang dipilih adalah mewakili jumlah bagi populasi kajian ini iaitu sebanyak 42 orang. Ringkasan kategori sampel seperti Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Ringkasan Kategori Banduan

| Bil | Kategori Banduan | Jumlah Responden |
|---------------|-------------------------------|-------------------------|
| 1. | Rayuan Mahkamah Rayuan | 3 |
| 2. | Rayuan Mahkamah Persekutuan | 3 |
| 3. | Pengampunan DYMM Agong/Negeri | 5 |
| JUMLAH | | 11 |

3.3 Prosedur

Kaedah analisis yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah berbentuk kaedah kualitatif iaitu secara temubual bergilir-gilir. Menurut Yin (2002), untuk mendapatkan sumber maklumat terpenting dalam kajian kes ialah melibatkan kaedah temubual. Menurutny lagi, terdapat banyak kelebihan menjalankan temubual secara individu seperti berpotensi untuk mendapatkan maklum balas dan jawapan adalah lebih tinggi (Yin, 2002). Data kualitatif boleh memberikan huraian yang lebih jelas dan penjelasannya juga menunjukkan aliran kronologi peristiwa serta dapat memberikan penemuan yang lebih baik (Yin, 2002). Menurut Miles dan Huberman (1994), kaedah kualitatif mempunyai kualiti yang 'tidak dapat dinafikan' kerana mempunyai perkataan konkrit lebih daripada satu dan dengan jelas lebih meyakinkan pembaca daripada dapatan yang bernombor. Kaedah ini memerlukan 60 minit atau lebih untuk proses temubual. Ia lebih berstruktur dan soalan-soalan yang dikemukakan juga mestilah berdasarkan situasi dan bentuk maklumat yang diperolehi oleh pengkaji semasa temubual dijalankan.

Kajian ini juga menumpukan tahap penerimaan hukuman mati dari perspektif emosi di Penjara Pokok Sena. Menurut Zohar dan Marshall (2000), emosi banduan akhir secara objektifnya sukar ditentukan dan tidak semua banduan akhir mempunyai emosi yang sama (ia bergantung pada jenis personaliti seseorang). Kajian ini akan meneliti hubungkait antara tahap penerimaan hukuman mati dengan faktor demografi banduan. Antara faktornya adalah jenis kesalahan yang dilakukan, penglibatan kegiatan jenayah, umur, bangsa, pekerjaan, pendapatan, tahap pendidikan, status perkahwinan dan agama.

Kaedah yang dipilih adalah secara temubual. Temubual yang akan dijalankan melibatkan temubual tidak formal yang akan ditemubual secara bergilir-gilir. Responden yang akan ditemuduga dipilih secara penggunaan rawak persampelan iaitu menggunakan teknik persampelan sedia ada, ianya lebih mudah (*convenient*). Dalam masa yang sama responden yang dipilih juga melihat kepada kesediaan untuk turut serta dalam kajian dengan iaitu secara sukarela.

Kesemua sesi temubual yang dilaksanakan akan dirakam, ditulis dan dianalisis melalui penggunaan teknik perbandingan/persamaan (*constant comparison technique*) yang diperkenalkan oleh Boeijie (2002). Titik kedalaman atau ketelusan maklumat akan terjangkau selama sesi yang diperolehi dari hasil temubual ke atas kesemua responden kajian ini.

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen daripada *Emotion Control Questionnaire* (ECQ) yang dibangunkan oleh Roger & Nesshoever (1987) yang akan diadaptasikan mengikut kesesuaian kajian. Soalan kajiselidik ECQ asal terdapat 40 soalan yang mana responden perlu menjawab sama ada “BETUL” atau “SALAH” yang dirujuk dalam senarai Appendix. Skor akan dianalisa dan infrensi hasil dari tinjauan berhubung tindak balas emosi secara sepontan ataupun dirancang.

Maka, soalan yang diadaptasi direka dan dibahagi kepada 3 tema utama, iaitu penerimaan hukuman mati dengan dari perspektif emosi sebagai tema pertama. Faktor demografi yang menyumbang penglibatan kepada jenayah berat sebagai tema kedua. Soalan juga berhubung faktor-faktor gangguan emosi banduan menjalani kehidupan di blok penempatan banduan akhir sebagai tema ketiga.

3.5 Analisis Data

Bagi menganalisis data dalam kajian kualitatif ini, pengkaji menggunakan program perisian Nvivo 9 (kaedah kualitatif) yang diperolehi menerusi temubual. Penggunaan perisian tersebut melibatkan pemeringkatan mengikut turutan seperti berikut:-

- i) *Sources*
- ii) *Codes*
- iii) *Nodes*
- iv) *Quires*
- v) *Model*

Data akan disemak dan ditranskripsi dari bentuk audio diterjemah dalam bentuk manual (bentuk tulisan) sehingga terbentuk kategori yang dikehendaki. Penggunaan *source* adalah untuk mengumpul segala data yang diperolehi selepas pengkodan dilakukan bagi tujuan menganalisis data. *Codes* melibatkan proses mengenalpasti petikan-petikan dalam teks dan menyimpan rujukan kepada petikan teks dalam pengkalan data mengikut kategori kajian berdasarkan objektif yang dipanggil *nodes*. Lanjutan itu, *tree nodes*

dilakukan berdasarkan kategori penganalisisan yang telah dibuat pengkodan oleh jurukod sebelum ini. *Tree nodes* digunakan bagi memastikan kategori yang dipilih tidak bertindih antara satu sama lain berdasarkan pengkodan yang telah dibuat dan dalam keadaan stabil.

Selepas semua *source* dimasukkan di dalam *tree nodes* mengikut kategori masing-masing, tindakan seterusnya adalah untuk mendapatkan kekerapan kajian menggunakan *quires* untuk mencari hasil kekerapan secara kuantitatif berdasarkan setiap objektif kajian. Setelah dapatan kajian diperolehi, langkah seterusnya adalah menggunakan model untuk menunjukkan model holistik kajian yang akan memperincikan tema dan sub-sub tema mengenai isu-isu kajian berdasarkan dapatan dari *tree nodes* yang dihasilkan.

Penganalisan data ini adalah bertujuan untuk memperolehi gambaran keseluruhan kajian mengenai isu dan tema berdasarkan analisis secara kuantitatif. Ianya perlu untuk menghuraikan segala data yang diperolehi. Di dalam kajian ini sebanyak beberapa sub tema dibangunkan untuk menyesuaikan dengan teori dan sorotan karya seperti tahap penerimaan hukuman mati, faktor banduan melibatkan diri dengan jenayah berat dan faktor-faktor yang mengganggu emosi banduan. Seperti yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994), pembentukan kategori penting dalam pendekatan kualitatif bagi memperhalusi data sehingga kategori-kategori tertentu dapat menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku dalam kes yang dikaji dan seterusnya diperincikan berdasarkan hasil dapatan kajian kuantitatif.

BAB EMPAT

HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai hasil kajian yang telah diperolehi. Penganalisan terhadap data-data dilakukan menggunakan perisian Nvivo 9 untuk memberi penjelasan lebih terperinci mengenai pembentukan tahap penerimaan banduan terhadap hukuman mati dari aspek emosi, faktor-faktor dan punca-punca emosi terganggu berdasarkan kepada temubual yang dijalankan dan selepas itu dimasukkan ke dalam analisis Nvivo 9 untuk mengklafikasikan tema bagi menjawab objektif yang dikaji. Di samping itu bab ini juga akan memberi penjelasan deskriptif tentang kekerapan dan peratusan demografi berdasarkan temubual yang dijalankan.

4.2 Demografi

4.2.1 Umur

Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden dari segi umur. Kebanyakan responden iaitu sebanyak 36 peratus atau 4 orang berumur antara 31 hingga 40 tahun dan 41 hingga 50 tahun. Kedua tertinggi adalah responden yang berumur 21 hingga 30 tahun iaitu sebanyak 28 peratus atau 3 orang responden.

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Umur

| Umur | Kekerapan (f) | Peratus (%) |
|-----------------------|--------------------------|------------------------|
| 1. Bawah 20 Tahun | 0 | 0 |
| 2. 21 hingga 30 Tahun | 3 | 28 |
| 3. 31 hingga 40 Tahun | 4 | 36 |
| 4. 41 hingga 50 Tahun | 4 | 36 |
| 5. 50 Tahun Ke Atas | 0 | 0 |

4.2.2 Jantina

Berdasarkan kepada temubual yang dijalankan kepada responden, keseluruhan responden terdiri daripada semuanya responden lelaki iaitu sebanyak 100 peratus atau 11 orang responden. Maklumat tentang jantina responden ditunjukkan di Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Jantina

| Jantina | Kekerapan (f) | Peratus (%) |
|----------------|--------------------------|------------------------|
| 1. Lelaki | 11 | 100 |
| 2. Perempuan | 0 | 0 |

4.2.3 Bangsa

Jadual 4.3 menunjukkan bangsa responden. Sebanyak 36 peratus atau 4 orang responden berbangsa Melayu. Diikuti 28 peratus atau 3 orang responden berbangsa India dan 18 peratus atau 2 orang berbangsa Cina dan lain-lain. Dua orang bangsa lain terdiri daripada seorang daripada warga Indonesia dan seorang lagi daripada warga Myanmar. Maklumat tentang bangsa responden ditunjukkan di Jadual 4.3 dan 4.4.

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Bangsa

| Bangsa | Kekerapan (f) | Peratus (%) |
|---------------|--------------------------|------------------------|
| 1. Melayu | 4 | 36 |
| 2. Cina | 2 | 18 |
| 3. India | 3 | 28 |
| 4. Lain-lain | 2 | 18 |

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Bangsa Lain-Lain

| Bangsa Lain-Lain | Kekerapan (f) | Peratus (%) |
|-------------------------|--------------------------|------------------------|
| 1. Indonesia | 1 | 9 |
| 2. Myanmar | 1 | 9 |

4.2.4 Status Perkahwinan

Jadual 4.5 menunjukkan status perkahwinan responden. Kebanyakan responden dalam kajian ini terdiri daripada mereka yang masih bujang iaitu sebanyak 46 peratus atau 5 orang responden. Manakala 36 peratus atau 4 orang responden berstatus sudah berkahwin dan selebihnya sebanyak 18 peratus atau 2 orang responden adalah duda. Maklumat tentang status perkahwinan responden ditunjukkan di Jadual 4.5.

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

| Status Perkahwinan | Kekerapan (f) | Peratus (%) |
|---------------------------|--------------------------|------------------------|
| 1. Bujang | 5 | 46 |
| 2. Berkahwin | 4 | 36 |
| 3. Duda | 2 | 18 |

4.2.5 Kelulusan Tertinggi

Jadual 4.6 menunjukkan taburan kekerapan responden berdasarkan kepada kelulusan. Sebanyak 46 peratus atau 5 orang responden memiliki tahap kelulusan PMR/SRP. Diikuti sebanyak 36 peratus atau 4 orang responden tidak bersekolah dan 18 peratus atau 2 orang memiliki tahap pencapaian kelulusan pendidikan tertinggi adalah diploma.

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Status Pendidikan

| Pendidikan | Kekerapan (f) | Peratus (%) |
|---------------------|--------------------------|------------------------|
| 1. Tidak Bersekolah | 4 | 36 |
| 2. PMR/SRP | 5 | 46 |
| 3. SPM | 0 | 0 |
| 4. Diploma | 2 | 18 |

4.2.6 Pekerjaan

Dari segi pekerjaan, kebanyakan responden iaitu sebanyak 18 peratus atau 2 orang responden terdiri daripada mereka yang bekerja sebagai pemandu lori/kereta, perniaga dan landskap. Manakala selebihnya iaitu sebanyak 9 peratus atau 1 orang responden bekerja sebagai despatch, nelayan, welding, courth mamourt dan tidak bekerja. Jadual 4.7 memerihalkan taburan pekerjaan mengikut jawatan yang disandang.

Jadual 4.7: Taburan Responden Mengikut Status Pekerjaan

| Pekerjaan | Kekerapan (f) | Peratus (%) |
|------------------------|--------------------------|------------------------|
| 1. Pemandu Lori/Kereta | 2 | 18 |
| 2. Perniaga | 2 | 18 |
| 3. Despatch | 1 | 9 |
| 4. Nelayan | 1 | 9 |
| 5. Landskap | 2 | 18 |
| 6. Welding | 1 | 9 |
| 7. Court Mamourt | 1 | 9 |
| 8. Tidak Bekerja | 1 | 9 |

4.2.7 Pendapatan

Jadual 4.8 menunjukkan pendapatan keluarga bagi setiap responden. Kebanyakan responden terdiri daripada mereka yang berpendapatan sederhana rendah iaitu sekitar RM1001 hingga RM2000 di mana sebanyak 45 peratus atau 5 orang responden menjawab sedemikian dan selebihnya mereka yang berpendapatan rendah (bawah RM1000) dan tinggi (RM4001 ke atas) dengan setiap masing-masing mewakili 9 peratus atau 1 orang responden. Manakala sebanyak 36 peratus atau 4 orang responden tidak menjawab pernyataan yang diberikan.

Jadual 4.8: Taburan Responden Mengikut Pendapatan

| Pendapatan | Kekerapan (f) | Peratus (%) |
|-------------------------|--------------------------|------------------------|
| 1. Bawah RM1000 | 1 | 9 |
| 2. RM1001 hingga RM2000 | 5 | 45 |
| 3. RM2001 hingga RM3000 | 0 | 0 |
| 4. RM3001 hingga RM4000 | 0 | 0 |
| 5. RM4001 Ke Atas | 1 | 9 |
| 6. Tidak Menjawab | 4 | 36 |

4.2.8 Agama

Kekerapan dan peratusan responden beragama Islam mencatatkan kekerapan dan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 54 peratus atau 6 orang responden. Hasil kajian juga menunjukkan mereka yang beragama Hindu mencatatkan kekerapan dan peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 28 peratus atau 3 orang responden diikuti responden yang beragama Budhha sebanyak 18 peratus atau 2 orang responden. Jadual 4.9 memerihalkan jumlah responden mengikut agama masing-masing.

Jadual 4.9: Taburan Responden Mengikut Agama

| Agama | Kekerapan (f) | Peratus (%) |
|--------------|--------------------------|------------------------|
| 1. Islam | 6 | 54 |
| 2. Hindu | 3 | 28 |
| 3. Buddha | 2 | 18 |

4.2.9 Kes Jenayah Berat

Jadual 4.10 menunjukkan kebanyakan responden banduan akhir terlibat dengan kes dadah dan membunuh iaitu sebanyak 45 peratus atau 5 orang responden mewakili setiap masing-masing kes tersebut. Manakala selebihnya terdiri daripada responden yang memiliki senjata api di mana sebanyak 10 peratus atau 1 orang responden.

Jadual 4.10: Taburan Responden Mengikut Kes Jenayah

| Kes Kesalahan | Kekerapan (f) | Peratus (%) |
|----------------------|--------------------------|------------------------|
| 1. Dadah | 5 | 45 |
| 2. Membunuh | 5 | 45 |
| 3. Senjata Api | 1 | 10 |

Secara ringkasan gambaran keseluruhan demografi responden yang terlibat adalah seperti di Jadual 4.11:-

Jadual 4.11: Ringkasan Latar Belakang Responden

| Responden | Kes Jenayah | Umur (Tahun) | | Bangsa | Status Perkahwinan | Pendapatan (\$) | Agama |
|-----------|-------------|--------------|----|--------|--------------------|-----------------|-------|
| | | T | S | | | | |
| 1 | Bunuh | 31 | 36 | Melayu | Duda | Tak Jawab | Islam |
| 2 | Senjatapi | 33 | 43 | Cina | Kahwin | <2000 | Budha |
| 5 | Dadah | 19 | 32 | Melayu | Bujang | <1000 | Islam |
| 6 | Bunuh | 23 | 27 | India | Bujang | Tak Jawab | Hindu |
| 7 | Dadah | 28 | 34 | Asing | Bujang | Tak Jawab | Islam |
| 8 | Dadah | 36 | 40 | India | Kahwin | <2000 | Hindu |
| 9 | Dadah | 29 | 43 | Cina | Bujang | <2000 | Budha |
| 10 | Bunuh | 34 | 41 | Melayu | Duda | >4000 | Islam |
| 12 | Dadah | 29 | 40 | Melayu | Kahwin | <2000 | Islam |
| 13 | Bunuh | 19 | 28 | India | Bujang | <2000 | Hindu |
| 15 | Bunuh | 24 | 28 | Asing | Kahwin | Tak Jawab | Islam |

Petunjuk : T – Umur semasa ditangkap
S – Umur Sekarang

4.3 Tahap Penerimaan Banduan Terhadap Hukuman Mati Dari Aspek Emosi

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden iaitu sebanyak lima orang responden banduan akhir boleh menerima hukuman mati tersebut. Dari aspek emosi penerimaan mereka menunjukkan pada mulanya mereka sukar juga untuk terima kenyataan iaitu berperasaan seperti sedih, takut, kemurungan, terkedu dan pelbagai lagi tekanan dihadapi namun selepas sekian lama baru mereka dapat menerima hakikat tersebut. Kebanyakan mereka mengatakan mereka redha dengan ketentuan Ilahi dan bersedia menerima

hukuman tersebut dengan hati terbuka. Perkara ini dibuktikan dengan petikan hasil temubual yang dijalankan terhadap banduan akhir yang mengatakan;

“ saya punya perasaan sebenarnya senang jer, saya bermain api, saya sanggup terima hukuman....saya takder...sedih takder tak puas hati pun takder. Saya terima hukuman saya” (Responden 10).

“ saya redha tuan... bukan apa, cakap ikhlaslah tuan, saya duduk dekat luar, banyak selewenglah..kita duit ada, cari perempuan lainlah walaupun saya pernah beristeri dua.. maklumlah laki-laki tuan kan.. lepas tu macam ganja, dadah ni saya tak hisap lah, minum mabuk lepas tu sembahyang pun boleh nak dikatakan kuranglah.. tapi bila duduk sini alhamdulillah saya dah boleh baca Quran. Sekurang-kurangnya kalau tuhan tu tak uji saya masuk ke sini, saya mati dekat luar dalam keadaan sesatlah. Sekurang-kurangnya dekat sini saya dah tahu, saya dah habis andai kata esok kalau saya mati pun sekurang-kurangnya saya adalah bekalan tukang, sama ada Allah nak terima tak terima itu jer lah” (Responden 12).

Mula-mula perasaan memang masa itu tak boleh nak kata apalah. Tak boleh nak kata apa. Terkedu jugalah. Ingatkan turun blok ker apa semua, pecah seksyen. Tak boleh juga, tapi lama jugalah, lama juga nak terima hakikat (Responden 1).

Mula-mula takpe lagi, kita sudah tahulah mau buat ini, ada satu hari memang masuk punya..masa mula-mula dulu ada takutlah, apa? Macam..mau fikir banyaklah, mau keluar tak boleh. Banyak fikirlah. Sekarang ini saya takder takut hukuman. Kita memang ada buat bukan niaya punya. Kita memang buat (Responden 9).

Saya terima hakikat, saya terima.. tapi perasaan mula kita terkejutlah...memang saya tak nangis masa tu, memang saya dah terfikir memang nasiblah. Dulu saya tak pernah sembahyang, duduk dalam ini saya boleh sembahyang, boleh menggaji. Ada hikmah (Responden 7).

Selain itu terdapat sebanyak empat orang responden tidak boleh menerima hakikat dikenakan hukuman mati. Ini kerana kebanyakan mereka mengatakan mereka dianiaya oleh rakan-rakan sendiri. Perasaan emosi mereka apabila memasuki penjara dan

dijatuhkan hukuman mati berbaur sedih, takut, kemurungan, mengharap mereka boleh keluar dan sentiasa berfikir. Perkara ini dibuktikan dengan petikan hasil temubual dengan responden yang mengatakan;

Perasaan sekarang tuan, lebih baik mati lagi ok..tapi saya tak boleh terima hakikat ini sebab saya jadi mangsakan. Sekarang banyak susahlah tak boleh cakap sama keluarga, bini dan anak semua (Responden 8).

Memang tak puas hatilah.. habis macam mana lah tuan, jadi mangsalah. Betul tak tuan? Kalau aku buat mari sampai sini aku puas hatilah, sebab aku lah memang terlibatlah, aku punya otak aku punya fikiran memang mahu buat. Puas, aku buat mari sampai sini aku puas hatilah, bolehlah aku boleh terimalah, tuhan bagi aku macam ni. Hukuman gantung ni memang takut punya tuan, kita sudah tahulah besok kita mau mati. Aku memang tak boleh terima lah tuan...semua habis.. bagi hukuman kurang pun aku boleh terima lah tuan. Tapi terus dapat ini macam hukuman, aiyooooo...saya pun tak boleh terima tuan (Responden 6).

Mesti ada..apalah? pressure mesti ada. Tekanan mesti ada, lagi sudah masuk ah. Bini pun sudah cerai. Sekarang hukuman saya terima saya tak boleh terimalah..saya tak fahamlah tuan adil ker takder adil. Tak tahulah sekarang kita punya nyawa sudah kasi tuhan..(Responden 2).

Hati banyak susahlah tuan, mahu ikutkan. Hati banyak tertekan. Tak boleh terimalah. Kadang-kadang fikir, kadang-kadang takde fikir. Fikir-fikir pun saya tahu, mesti saya boleh keluar punya. Tapi betul tuan saya tak boleh terima hukuman ni. Stress tuan duduk sini..duduk sini tuan ah, tengok ah, makan, tapi sekarang ni sikit-sikit orang cakap banduan akhir buat kecoh. Banduan akhir buat hal lah, banyak kecohlah, tapi kita bukan minta tuan. Mesti ada punca, apa punca masalah. (Responden 13).


Selain itu, dapatan juga menunjukkan sebanyak dua orang responden tidak tahu iaitu sama ada boleh terima hakikat atau tidak boleh terima hakikat. Ini menunjukkan keadaan emosi responden ini masih dibelenggu dan masih berfikir sama ada betul atau tidak mereka dikenakan hukuman tersebut dan mereka masih berharap boleh bebas. Perkara ini dibuktikan dengan petikan hasil temubual menunjukkan responden mengatakan;

Tidak tahulah tuan... macam-macam emosi ada tapi tidak tahu macam mana.. baru-baru ni dia ada macam, kita berharaplah, macam kita boleh bebas jer kan. Duduk mengharap tak rasa tertekan sangatlah kita berharap boleh bebas kan. Lepas tu saya duduk dah sampai 4 tahun saya takder, takder tak berharaplah nak bebas ke apa kan. Saya tak tahulah tuan. (Reponden 5)

Saya hati takder buat, saya takder runsing. Lawyer sudah pasang, dia cakap insyaallah saya bebas. Sekarang punya hati tak tahulah. Hati saya sekarang Dia punya, Allah Taala kasi bebas saya terima...saya serah je dekat Dia. (Responden 15).

Secara rumusnya menunjukkan tahap penerimaan banduan akhir terhadap hukuman mati menunjukkan penerimaan negatif yang tinggi di awal hukuman. Secara keseluruhannya mereka tidak boleh menerima hakikat mereka dijatuhkan hukuman mati. Ada yang berpendapat kesalahan tidak setimpal dengan hukuman yang diterima, di samping itu memang mereka mengaku melakukan kesalahan tersebut tetapi tidak menjangkakan sehingga dijatuhkan dihukum bunuh. Mereka mengharapkan hukuman seumur hidup atau yang mengetahui tarikh pembebasannya seperti 10 tahun atau 15 tahun. Hukuman mati adalah terlalu berat untuk diterima. Terdapat juga mereka kebanyakannya mengatakan mereka bukanlah berkali-kali keluar masuk penjara kecuali Responden 10 yang telah 3 kali masuk penjara. Walaupun 3 kali masuk penjara, hukuman mati tetap tidak boleh diterima. Bagi mereka, kesalahan pertama tidak sepatutnya dijatuhkan hukuman mati. Sampel yang dipilih tidak dapat menerima hukuman mati menunjukkan penerimaan negatif yang tinggi. Walau bagaimanapun, tahap penerimaan berubah kepada positif yang tinggi apabila mereka pada mulanya mereka boleh terima hakikat bahawa mereka menunggu kematian di tali gantung jika saluran rayuan dan pengampunan ditolak dan telah menemui jalan kegagalan. Ini menunjukkan

keadaan yang ekstrim dari penerimaan negatif yang tinggi kepada penerimaan positif yang tinggi. Mereka redha dengan ketentuan Illahi dan semuanya beragama dan menerima hakikat kehidupan selepas kematian. Dari segi emosi semasa mereka mengetahui keputusan hukuman tersebut merasa sedih, takut, kemurungan dan pelbagai lagi emosi yang memberi tekanan kepada mereka. Rajah 4.1 memerihalkan hasil dapatan bagi tahap penerimaan banduan akhir terhadap hukuman mati.



R- Responden

Rajah 4.1: Tahap Penerimaan Banduan Akhir Terhadap Hukuman Mati

4.4 Faktor-Faktor Penglibatan Jenayah

Berdasarkan kepada analisis *tree nodes* menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi mereka terlibat dengan jenayah berat sehinggalah dikenakan hukuman mati adalah kerana masalah kewangan. Sebanyak 6 orang responden menyatakan sedemikian. Perkara ini dibuktikan dengan beberapa petikan daripada dapatan analisis temubual yang dijalankan terhadap responden menunjukkan responden mengatakan;

Dia berpunca daripada dadah. Saya dah ketagihan dadah tu, perlukan duit. Lepas tulah saya buat kerja macam ni. Lagipun... saya buat macam nie bukan saya sengaja buat.. Cuma saya ambil dia letak dalam hutan jer. Tu sampai dia dah boleh mati (Responden 1).

Saya bunuh taukeh saya jugalah. Bukan bunuh sindiket. Pasal bayaran kurang memuaskan, dia janji sampai barang, dah masuk kawasan dia duit bayar kurang. Jadi saya punya kes, kawan-kawan saya tak puas hatilah (Responden 10).

Kerja salesman partime punya...mana ada kerja...jadi duit diperlukan ma..sebab tu kita samun punya ma..(Responden 2).

Saya takder kerja tetap..saya jual dadah punya untuk cari kemewahan ma (Responden 9).

Lebih kurang cari duit lebihlah..saya memerlukan duit lepas tu saya minta dia tolong carikan barang. Lepas tu dia cakap ada barang jadi saya ambillah 10 kg (Responden 7).

Selain itu, faktor-faktor lain mengapa responden terlibat dengan jenayah berat sehinggalah dijatuhkan hukuman mati disebabkan kerana mereka dianiaya oleh orang lain seperti rakan-rakan mereka. Sebanyak empat orang responden menyatakan sedemikian. Hasil dapatan ini dibuktikan dengan dapatan temubual yang dilakukan. Perkara ini dibuktikan

dengan beberapa petikan hasil temubual yang dijalankan menunjukkan responden mengatakan;

Kes saya ni sebenarnya tuan, masalah kawan saya punya kes. Kawan buat kerja. Yang buat kerja ni sebenarnya yang ada dekat kluang sekarang, yang punya urusan tentang barang ini dia ada dekat kajang. Jadi saya ni takder apa-apa lah. Ni semua pasal bagi pinjam keretalah tuan, saya tak tahu apa-apa (Responden 12).

Starting saya kena tangkaplah tuan. Ini kes saya tak tau apa-apa selepas tu kena tangkap. Kena tangkap diorang cakap saksi. Saya punya nama saksi. Bukan suspek. Diorang mari tangkap rumah, ini kes aniayalah tuan (Responden 13).


Tak terlibat, tapi orang lain. Kes aniayalah nie tuan. Haa, saya punya nama pun dia punya bini sudah bagi tahulah, sebab masa hari pertama ni 3 hari dia gaduh, hari pertama saya dekat, ada dekat tempat tu, saya pergi... masa tu deepavali kan, 2005 itu hari saya pergi rumah kawan, saya pergi dekat sana, dia punya bini ingat saya pun terlibat dia petik saya punya nama. Hari tu sudah jadi mangsalah (Responden 6).

Saya kes punya sebab, ada orang mari rumahlah, ini kes memang saya tak buat. Bini sekali kena tangkap, tapi selepas tu bini bebas. Haa, kita warga asing, mau duduk kongsi, satu rumah sewa... ini macam jadi masalah, dia mari tangkap semua sekali, saya punya kes mate satu orang sudah mati, kajang sana. 6 orang tangkap, 1 orang itu mati pada hari itu (Responden 15).

Akhir sekali faktor-faktor mereka terlibat dengan jenayah berat kerana mengikut kawan-kawan. Sebanyak dua orang responden menyatakan punca mereka terlibat dengan jenayah kerana terpengaruh dengan ajakan kawan-kawan. Hasil ini dibuktikan berdasarkan petikan temubual yang dijalankan menunjukkan responden menyatakan;

Ini semua member punya pasallah... haa.. dia suruh passinglah kan..member takder masa saya kena tangkap, dengar saya kena tangkap dia lari lah, tak tahu ke mana. Kita duduk sekalikan, dia buat kerja macam tu, pesan nanti ada orang mari ambil, tolong passing barang ni (responden 5).

Secara rumusnya dapatlah disimpulkan faktor-faktor yang menyebabkan responden terlibat dengan jenayah berat sehinggakan dikenakan hukuman mati disebabkan tiga faktor iaitu masalah kewangan, dianiaya dan kawan-kawan. Berbalik kepada masalah kewangan memang majoriti mereka terlibat kerana ingin mencari pendapatan lebih di samping mereka merasakan itu jalan yang mudah untuk mencari duit. Berdasarkan kepada hasil dapatan demografi dari segi jumlah pendapatan responden menunjukkan kebanyakan responden mempunyai pendapatan yang rendah. Hal ini mempunyai hubungkait mengapa mereka terlibat dengan jenayah berat tersebut. Selain itu rata-rata responden juga kebanyakan juga dianiaya dan bukan mereka terlibat dengan jenayah tersebut. Akhir sekali faktor kawan-kawan juga menjadi penyebab mereka terlibat dengan jenayah tersebut. Ini kerana mereka melihat kawan-kawan mereka mewah jadi serba sedikit mereka terpengaruh untuk bersama-sama mencari jalan pintas bagi menambahkan pendapatannya dan menjadi mewah seperti rakan-rakan mereka. Rajah 4.2 memerihalkan hasil dapatan bagi faktor-faktor penglibatan dalam jenayah berat.



R- Responden

Rajah 4.2: Faktor-Faktor Penglibatan Dalam Jenayah Berat

4.5 Punca-Punca Emosi Terganggu

Secara umumnya semua emosi banduan akhir terganggu apabila mengenangkan jenis hukuman yang bakal diterima. Mereka merasa gerun untuk ke tali gantung. Berdasarkan kepada dapatan analisis menunjukkan punca-punca emosi mereka terganggu sehingga mengugat keselamatan kerana disebabkan terlalu lama duduk dalam penjara sehinggakan ada di antara mereka cuba membunuh diri. Bagi mereka baik mati daripada hidup.

Terdapat 4 responden yang terlibat:-

“Yang paling takutnya saat orang mari ambil. Mari ambil pergi gantung. Habis gantungle...tapi bila, ini yang buat saya tertekan. Tunggu lama dah tapi tak tahu bila, macam banduan Perancis 15 tahun...mak dengan pak tak ada, adik beradik memang tak ambil pot dah” (Responden 1).

“Menunggu tu. Tekanan, lebih baik dah betul-betul kita kalah kita pergi. Pegawai penjara pun tak benci dengan saya. Betul tak tuan? Hari-hari kita nak marah dengan pegawai dan cikgu rtak sedap hati. Lebih baik kita redha. Saya punya prinsip, saya bermain api saya terima. Orang bawah bilik saya dah pegi, saya cakap itu jalan yang terbaik. Saya bagi enam bulan aje lepas selesai semua, saya gantung” (Responden 10).

“Ayooyo tuan, ini gantung mesti takut punya, mati saya generation sudah habis, ini tunggu rayuan court pun tak tahu bila mau pegi, macam itu Aziz tunggu banyak lama 4 tahun itu court mana pun tak ada. Habis dia pegi dulu sendiri jalan. Ini hati hari-hari mau fikir bila mau pegi court” (Responden 6).

“ Ini macam lama-lama kasi duduk, lebih baik mati lagi senang, itu macam saya ada rasa. Ingat ini lama tunggu ada okay ke, tiba-tiba itu Agong tolak. Itu *court* kasi cepat, *lawyer* wang sudah kasi, tapi kadang-kadang ada fikir, sendiri pergi lagi bagus. Hati sudah lama tak seronok, tapi apa macam sudah jadi, nyawa sudah bagi sama Tuhan, ini nyawa Tuhan punya, sudah mahu ambil, kasi le apa mahu tunggu. Ini banyak *pressure* apa macam banyak mahu fikir, cerita sama kawan, sembahyang juga kasi senang, duduk diam-diam, tak mahu kacau, nanti hati lagi sakit” (Responden 8).

Dapatan juga menunjukkan selain daripada menunggu, emosi mereka juga terganggu kerana tidak berpuas hati dengan suasana atau keadaan persekitaran seperti layanan pegawai penjara, ada banduan yang mengganggu ketenteraman yang menyebabkan mereka ditarik keistimewaan oleh pihak penjara, penguatkusaan peraturan yang berubah-ubah, tidak menghiraukan perasaan orang lain, komunikasi yang menyakiti perasaan orang lain, suka bermuka-muka dengan warden penjara untuk menarik perhatian untuk menjadi *champion*, bunyi bising perbualan banduan-banduan dengan suara yang tinggi ataupun bunyi-bunyian persekitaran dan sebagainya sehingga memberi tekanan kepada mereka. Terdapat 7 responden yang terlibat:-

“Tuan ini sekarang kita ada rasa okay, ini peraturan kita boleh pafam. Boleh tengok itu tv, tapi nanti sekejap boleh nanti ini ada hal itu tv sudah kena tarik, apa macam, itu paper sikit punya hal sudah tarik, you buat hal pun tak guna, kita BA maa, kita mau duduk baik-baik” (Responden 2).

“Saya yang tak boleh terima banduan yang lebih-lebih, konon nak jadi macam Robin Hood, *request* macam-macam, dia tak tahu pegawai penjara rimas dengan dia, sekejap-sekejap *complain*, ada saja yang tak kena, ganggu oh tuan bila kita nak bertenang dalam bilik, telinga kita pasang, patut-patut le, warden ini bekerja” (Responden 5).

“Apa yang saya takut masa duduk jadi BA ini, saya takut sesat. Di luar ada sikit ilmu, tapi dah terjebak dah tak boleh lari dah tak amal lagi, kalau ada ustaz-ustaz yang daripada luar datang bimbing, ilmu tauhid, usuluddin ke. Kita belajar satu orang tak boleh mesti ada guru. Kita takut sesat, kadang amalan lebih-lebih, tapi tak ikut sunnah apa semua” (Responden 7).


“Kita sudah lama jadi BA maa. Kita tak takut. Kita ada hal itu penjara *system*. Kadang-kadang bikin kita ‘masuk air’. Itu tak boleh, ini tak boleh..ayooyo...banyak pening..ini barang kantin sekejap boleh beli, wang tak ada, awang ada tak boleh beli” (Responden 9).

“Yang merunsingkan fikiran saya cikgu-cikgu cakap saya kurang ajar, biadap, itu sebab saya kena tukar ke sini dari Kajang, saya hormat cikgu, cikgu jaga saya, tapi tak tahu tiba-tiba nama saya meletup. Ini yang saya tak faham. Saya tak buat apapun. Muka muka yang kurang ajar masih ada, muka Melayu yang kena. Ini tak adil tuan” (Responden 12).

“Saya sakit tuan, ini kaki sudah lama sakit, minta pegi klinik hari Rabu saja boleh jumpa, lain hari kena *request*. Ini sakit selalu kena itu macam ke. Mahu pakai tongkat, jalan banyak jauh. Mahu jumpa doktor tapi MA saja ada. Ubat bagi minyak sapu saja. Ini kes mesti mahu *refer specialist* . Nanti pegawai cakap saya ada banyak bikin hal. Tak boleh tahan le ini macam” (Responden 13).

“Saya cuba *control* ini marah, ini banduan Vijaya malam banyak bising, cakap sendiri, itu apa David Copperfield ada kacau dia cakap, malam kita mahu tidur, mahu sembahyang, tapi malam hari-hari bikin bising, mana boleh tahan tuan, angkat kasi pindah penjara. Boleh ke tuan, kasi Vijaya tukar sebelum apa-apa jadi sama dia” (Responden 15).

Namun kebanyakan responden walaupun emosi mereka terganggu mereka ramai di antara mereka memilih jalan bertaubat dan bagi meredakan emosi mereka daripada terganggu mereka lebih gemar beribadat kepada Tuhan. Menurut mereka dengan cara tersebut emosi mereka akan tenang dan tidak banyak berfikir bila mengingati Tuhan. Rajah 4.3 memerihalkan hasil dapatan bagi punca-punca emosi terganggu.



R – Responden

Rajah 4.3: Punca-Punca Emosi Terganggu

BAB LIMA

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Secara keseluruhannya dapat dibuat rumusan bahawa kajian ini merupakan satu kajian untuk mengenal pasti tahap penerimaan hukuman mati dari aspek emosi, faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan terhadap jenayah berat dan punca-punca yang mengganggu emosi diri sehingga menggugat diri dan organisasi penjara dikalangan banduan akhir. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberi penerangan secara saintifik berkenaan keadaan sebenar yang berlaku dikalangan banduan akhir berdasarkan kepada satu model holistik untuk memberi gambaran yang menyeluruh. Dalam bab ini, perbincangan keseluruhan daripada hasil kajian telah dibuat di samping merumuskan keseluruhan kajian yang meliputi implikasi kajian, cadangan kajian dan kesimpulan sebagai penutup laporan kajian ini.

5.2 Perbincangan

5.2.1 Demografi

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian mengenai demografi secara keseluruhannya, dapatlah dibincangkan bahawa umur banduan akhir majoriti dalam lingkungan 31 hingga 50 tahun ke atas. Ini menunjukkan kebanyakan banduan akhir ini merupakan mereka

yang berumur separuh abad yang terlibat dengan jenayah berat sehingga membawa kepada hukuman mati. Dapatan kajian juga menunjukkan keseluruhan banduan akhir daripada golongan lelaki manakala dari segi bangsa menunjukkan bangsa Melayu paling ramai terlibat dengan jenayah. Begitu juga dengan status perkahwinan menunjukkan mereka yang bujang paling ramai melakukan jenayah berat. Ini menunjukkan bukan faktor penceraian atau masalah dengan keluarga menjadi punca kepada mereka terlibat dengan jenayah berat. Dari segi pendidikan menunjukkan majoriti responden mempunyai pendidikan yang rendah dan mempunyai pendapatan yang sederhana rendah. Hal ini menyebabkan mereka terlibat dengan jenayah berat disebabkan tiada pendidikan mereka dengan mudah mencari jalan mudah untuk mencari kewangan yang lebih tinggi atau mewah untuk meneruskan kehidupan yang lebih selesa tanpa memikirkan kejahatan apa yang mereka lakukan tersebut itu salah walaupun dalam semua agama ada menyebut tentang kebaikan dan keburukan dibalas dengan syurga dan neraka. Majoriti responden di Malaysia terlibat dengan kes jenayah berat berkaitan dadah dan bunuh. Ini disebabkan dadah mudah didapati dan penglibatan penubuhan ada kaitannya dengan masalah cemburu, dengki atau membalas dendam dengan perkara yang dialami oleh mereka.

5.2.2 Penerimaan Banduan Terhadap Hukuman Mati Dari Aspek Emosi

Berdasarkan kepada analisis kajian yang dilakukan, mendapati bahawa hasil kajian telah menjawab objektif kajian yang diutarakan di awal kajian ini. Bagi aspek penerimaan banduan terhadap hukuman mati dari perspektif emosi, dapat dikatakan bahawa wujudnya penerimaan yang negatif di awal hukuman dijatuhkan ke atas responden di tahap yang tinggi dan semua mengharapkan sekurang-kurangnya hukuman mati di tali

gantung itu tidak dikena tetapi boleh menerima hukuman selain dari hukuman mati. Hasil dapatan ini selari dengan dapatan yang dilakukan oleh Anderson (2005), Deiter (2008), Haney (2009) dan Harrison dan Tommy (2010) yang menyatakan tahap emosi banduan terhadap penerimaan hukuman pada peringkat awal akan mengalami tekanan emosi yang negatif. Walau bagaimanapun, penerimaan emosi negatif tersebut lama-kelamaan bertukar kepada penerimaan emosi yang positif dalam kalangan mereka yang berdepan dengan hukuman mati. Kebanyakan banduan akhir telah redha dan kuat untuk menerima hukuman yang sepatutnya mereka hadapi.

Selain itu, perubahan yang berlaku ini sebenarnya dipengaruhi oleh dua dunia berlainan yang mempengaruhi faktor kehidupan responden kajian. Pertama, dunia dalaman responden dan kedua, dunia luaran responden. Menurut Mohamed Farook (2011) dunia luaran adalah dunia yang dilihat di luar kita dan yang berada di sekeliling kita. Manakala, dunia dalaman pula adalah dunia yang berada di dalam diri iaitu minda.

Oleh itu, Mohamed Farook (2011) berpendapat bahawa apa yang kita perlu faham adalah dunia luaran kita adalah sebenarnya 'gambaran' kepada dunia dalaman kita. Dalam konteks ini, sekiranya di dunia luaran responden mengalami banyak masalah seperti masalah hubungan atau masalah kesihatan, bermakna dunia dalaman bagi responden juga banyak masalah. Ini secara tidak langsung, dari sudut psikologinya, akan mencambahkan pemikiran yang negatif dan kurang kepercayaan pada diri sendiri untuk menempuh alam baru iaitu di dalam penjara. Manakala, jika seseorang responden mempunyai banyak masalah hubungan contohnya dengan keluarga, dengan isteri, anak-anak serta ibu bapa

maka bermakna di dunia dalaman mereka juga mempunyai banyak masalah berkaitan hubungan seperti sentiasa berfikiran negatif dan kepercayaan mengongkong mengenai hubungan. Oleh sebab itu, kebanyakan responden yang terdiri dari banduan akhir, sukar untuk menerima hukuman mereka di penjara kerana fikiran mereka lebih banyak memikirkan tentang nasib insan-insan yang disayangi di luar sana. Akibat kerana perasaan takut kehilangan, risaukan nasib keluarga, menyebabkan mereka sentiasa runsing dan ingin keluar dari penjara.

Sebenarnya, majoriti dari kita masih tidak faham bahawa dunia luaran merupakan gambaran bagi dunia dalaman kita. Dalam konteks ini, untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh banduan, kita sebagai orang luar sama ada pegawai di penjara atau keluarga banduan perlu membantu banduan untuk menyelesaikan masalah luaran yang dihadapi oleh banduan (menukar dunia luaran banduan) dalam masa yang sama menukar cara berfikir mereka (menukar dunia dalaman banduan). Hal ini penting kerana apabila seseorang banduan itu dilihat berjaya serta sentiasa berusaha menyelesaikan masalah namun tidak/tanpa menukar cara berfikir, maka mereka akan menemui kegagalan. Bahkan, jika berjaya menyelesaikan sesuatu masalah sekalipun, mereka akan menghadapi masalah yang baru pula. Oleh itu, apa yang penting adalah menukar dunia luaran sekali gus merubah dunia dalaman mereka.

Mohamed Farook (2011) ada menggariskan tindakan-tindakan yang perlu untuk menukar dunia dalam individu. Hal ini juga sangat berkaitan dengan faktor psikologi manusia itu sendiri. Tindakan pertama adalah menukar dunia dalaman (responden). Menurut Hukum

Tarikan, seseorang individu akan menarik ke dalam kehidupan mereka tentang apa sahaja perkara yang mereka fikirkan. Oleh itu, untuk menukar dunia dalaman dalam diri seseorang itu perlu sentiasa bersyukur dengan apa yang ada sekarang, pada masa yang sama sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat, sentiasa berfikiran positif dan yakin di atas diri sendiri, sentiasa menumpukan perhatian kepada yang positif dalam hidup, dan sentiasa gembira. Dalam konteks ini, seseorang banduan walaupun sedang berdepan dengan hukuman mati, adalah menjadi tugas pegawai di penjara mahupun keluarga, untuk meniup semangat positif dalam diri mereka untuk menerima takdir yang ditetapkan. Setiap banduan perlu sentiasa berfikiran positif dan yakin atas diri bahawa mereka mampu berubah menjadi yang lebih baik walaupun di saat-saat akhir hidup mereka. Mereka juga perlu sentiasa gembira kerana masih diberi peluang untuk terus hidup sebelum dijatuhkan hukuman mati ke atas mereka supaya mereka sempat untuk bertaubat dan memohon ampun pada Pencipta serta orang-orang yang pernah mereka aniaya. Dalam hal ini juga, emosi memainkan peranan penting sebagai kayu pengukur kepada jenis pemikiran dalam diri. Hal ini kerana, emosi yang positif akan menarik kebaikan ke dalam kehidupannya. Manakala emosi negatif akan menarik ke dalam hidupnya lebih banyak masalah. Oleh hal yang demikian, tindakan yang penting yang mesti dilakukan adalah menjaga supaya emosi sentiasa berada dalam keadaan yang positif.

Dalam membincangkan tentang emosi, apakah yang menentukan emosi seseorang? Mungkin berbagai jawapan yang boleh berikan tetapi sebenarnya yang menentukan emosi seseorang adalah apakah yang menjadi pemikirannya pada masa itu. Sebagai

contoh, dalam konteks ini, katakan seseorang banduan itu sedang bersyukur, berfikiran positif, menumpukan perhatian kepada perkara yang positif dan gembira melihat kebahagiaan orang lain, maka dia akan mempunyai emosi yang positif. Walaupun mereka berada di penjara, tetapi jika pemikiran mereka positif, maka mereka akan redha dengan apa yang mereka sedang lalui.

Menurutnya lagi, beberapa cadangan digariskan kepada individu yang menghadapi masalah. Dalam konteks ini, apabila seseorang banduan itu menghadapi masalah, seorang pegawai penjara yang bertugas perlu bantu mereka untuk mereka sedar dan bertanya kepada apa yang perlu mereka pelajari dari masalah yang mereka hadapi. Langkah seterusnya dengan mengambil langkah untuk mengatasi masalah tersebut. Ketiga, ambil langkah untuk mengelakkan masalah tersebut. Keempat, lupakan masalah tersebut. Jika memikirkan masalah tersebut mestilah di dalam konteks mengatasi dan masalah tersebut. Kelima, perlu redha menerima masalah tersebut. Jika seseorang itu asyik memikirkan tentang masalah tersebut, maka emosinya akan menjadi negatif dan menarik lebih banyak masalah ke dalam hidupnya.

Bersesuaian dengan teori RET (Ellis, 1955) yang menunjukkan pada permulaan penerimaan banduan mati menunjukkan emosi negatif. Namun menurut Ellis ianya boleh diperbaiki di mana manusia melakukan kejahatan perlukan diri diperbaiki. Ini bermakna mereka perlu diberi pendidikan dalam mengajar mereka untuk menerima kenyataan dengan hukuman yang diterima dan memberi keinsafan kepada mereka dalam memperbaiki hidup. RET juga memberi kepada satu pendekatan terapi bagi

mbolehkan seseorang itu berfikiran, membuat penganalisan, penilaian, perlakuan dan membuat keputusan dengan dibantu oleh kaunselor supaya gangguan emosi mereka boleh dibantu dan seterusnya dapat menghapuskan kepercayaan yang tidak rasional yang ada pada diri individu tersebut dan akhirnya boleh menerima segala apa yang berlaku.

Dapatan kajian tersebut juga selari dengan teori yang dikemukakan oleh Elisabeth (1969) yang telah merangka satu model bagi menggambarkan dengan lebih jelas penerimaan seseorang individu terhadap kematian. Teori Lima Peringkat Kesedihan yang digariskan oleh Elisabeth (1969), menunjukkan kepada permulaan penerimaan banduan kepada penafian, marah, tawar-menawar, kemurungan dan penerimaan. Jika dilihat pada hasil dapatan kajian menunjukkan pada permulaan penerimaan banduan mati menunjukkan kebanyakan responden menafikan mereka tidak melakukan jenayah berat tersebut sehinggakan mereka merasa kemarahan (menggangu emosi) dengan hukuman tersebut. Akhirnya mereka merasakan masih boleh dibebaskan atau diringankan hukuman dengan membawa kes tersebut untuk dibela di mahkamah kerana mereka merasakan diri mereka tidak melakukan jenayah berat tersebut dan ada juga merasakan diri mereka dianiaya. Apabila proses perbicaraan semula dilakukan (tawar menawar) dan keputusan daripada Hakim mahkamah memutuskan kes rayuan tersebut ditolak dan akhir sekali mereka membawa kes tersebut kepada Sultan untuk memohon pengampunan dan Sultan tidak mahu mengampunkan, banduan tersebut akan kembali menjadi kemurungan sehinggakan emosi mereka terganggu. Akhir sekali kemurungan tersebut akan lahirkan keinsafan dan mendekatkan diri mereka kepada Ilahi dan sampai kepada satu saat mereka mula dapat

mengubah diri mereka (emosi menjadi positif) untuk menerima hukuman tersebut dan redha dengan segala ketentuan Ilahi.

Bertepatan dengan kajian pendekatan keagamaan (*religiosi*) menghadapi kematian dapat amat berkesan. Semua banduan yang ditemuduga beragama dan mempercayai kehidupan selepas kematian. Amalan zikir, sembahyang, berdoa, amalan-amalan agama membersihkan jiwa telah dapat mempercepatkan perubahan tahap penerimaan hukuman mati dari negatif yang tinggi di awal hukuman kepada yang positif secara beransur-ansur.

Bersesuaian dengan teori Pendekatan Penyelesaian Masalah yang dipelopori oleh Perlman (1957) yang membantu banduan yang pada awalnya tidak dapat menerima hukuman mati yang dijatuhkan terhadap mereka. Hukuman telahpun dikenakan, itu adalah fakta dan hakikat. Jangkaan pelaksanaan di tali gantung mengambil masa yang agak panjang, pelbagai masalah akan di hadapi, kehidupan sebagai banduan akhir perlu dilalui, itu juga adalah fakta. Penjelasan terhadap peluang untuk bebas juga adalah fakta. Setiap banduan mempunyai peluang untuk bebas, maka saluran yang ada perlu dimanfaatkan sebaik mungkin. Semasa proses awal penerimaan oleh pihak penjara di Pejabat Rekod, saluran yang ada perlu dimaklumkan kepada banduan dan agar difahami dan memberi semangat untuk terus hidup. Pembelaan boleh dibuat oleh peguam yang dilantik ataupun jika tidak berkemampuan, Jabatan Penjara akan menguruskan dengan Biro Bantuan Guaman secara percuma. Peranan inilah yang dimainkan Jabatan Penjara bagi membantu mengubah tahap penerimaan yang negatif yang tinggi kepada positif.

Secara rumusnya, perbincangan hasil analisis yang digunakan dapat memberi penerangan dengan lebih terperinci tentang tahap penerimaan banduan akhir terhadap hukuman mati dari aspek emosi dan berhubung kait dengan dapatan-dapatan kajian lalu dengan kedua-dua teori yang digunakan. Secara keseluruhannya dapatan menunjukkan pada peringkat awal tahap penerimaan banduan terhadap hukuman yang dikenakan mengalami emosi yang terganggu dan akhirnya tahap tersebut menjadi emosi mereka lebih positif untuk menerima hakikat dengan kejadian di dunia ini. Penemuan penting dalam kajian ini adalah berkaitan tahap gangguan emosi banduan akhir pada peringkat awal di mana banduan akhir mengalami masalah kesukaran untuk menerima kenyataan sehinggakan emosi mereka menjadi sedih, takut, kemurungan, terkedu dan pelbagai lagi tekanan yang negatif yang dihadapi dan akhirnya perasaan emosi tersebut bertukar kepada dapat menerima hukuman tersebut dengan hati yang terbuka dan redha dengan ketentuan Ilahi. Penemuan lain juga menunjukkan ada juga dikalangan banduan akhir menyatakan dari awal kemasukan mereka sehingga ke hari ini mereka tidak dapat menerima hakikat dikenakan hukuman mati. Perasaan emosi mereka sentiasa berbau sedih, takut, kemurungan, mengharap boleh keluar dan sentiasa berfikir. Ini kerana perasaan mereka tidak boleh menerima hakikat kerana mereka menafikan mereka terlibat dengan jenayah berat kerana dianiaya oleh orang sekeliling mereka. Begitu juga penemuan lain juga menunjukkan tidak tahu boleh menerima atau tidak dengan hukuman yang diberikan sehinggakan emosi diri mereka dibelenggu dengan masalah berfikiran menjadi kekeliruan sama ada betul atau tidak mereka menerima hukuman sebegitu.

5.2.3 Faktor-Faktor Penglibatan Jenayah

Berdasarkan kepada dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga faktor yang mempengaruhi banduan akhir melibatkan diri dengan jenayah berat iaitu faktor utama di sebabkan masalah kewangan, kedua, dianiayai dan ketiga kerana terpengaruh dengan rakan sebaya. Dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan lalu dari segi faktor utama menunjukkan dapatan lalu bukan faktor kewangan yang menjadi penyebab kepada penglibatan banduan kepada masalah jenayah berat. Hasil dapatan yang diperolehi oleh Ganzer dan Sarason (1973) dalam kajian mereka menunjukkan faktor keluarga penyebab utama mereka melakukan jenayah. Manakala dapatan kajian oleh Singh dan Sharma (1977) menunjukkan faktor penceraian penyebab utama mereka terlibat dengan jenayah. Begitu juga dapatan kajian oleh Wasserman, Keenan, Tremblay, Coie, Herrenkohl, Loeber dan Petechuck (2003) dan Muray dan Farrington (2010) menyatakan faktor individu menjadi faktor utama kepada masalah penglibatan mereka ke arah jenayah. Dapatan-dapatan lain menunjukkan faktor utama yang menyebabkan masalah mereka terlibat dengan jenayah kerana kesihatan mental yang tidak seimbang (Osher & Steadman, 2007), persekitaran (Adepoju, 2007) dan keluarga dan rakan-rakan (Wanner, Vitaro, Carbonneau & Tremblay, 2009).

Namun ada juga dapatan lalu selari dengan dapatan kajian pengkaji di mana selain daripada faktor kewangan yang penyebab utama, faktor dianiaya dan rakan sebaya juga menjadi penyebab mereka terlibat dengan jenayah berat. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Shader (2003); Wasserman, Keenan, Tremblay, Coie, Herrenkohl, Loeber dan Petechuck (2003) dan Muray dan Farrington (2010).

Secara rumusannya dapatlah disimpulkan bahawa penemuan dalam kajian ini berkaitan faktor utama adalah disebabkan kewangan mereka terlibat dengan jenayah berat selain faktor dianiaya dan rakan sebaya. Ini menunjukkan faktor-faktor penyebab banduan akhir terlibat dengan jenayah berat dari sudut Malaysia berbeza sekali dengan dapatan kajian Barat dari sudut faktor utama. Berbalik kepada demografi berkaitan dengan tahap pendidikan dan pendapatan yang diperolehi banduan akhir sebelum mereka dikenakan hukuman menunjukkan tahap pendidikan dan pendapatan mempunyai hubung kait dengan faktor kewangan yang dihadapi sehinggakan mereka terlibat dengan jenayah berat berbanding dapatan kajian barat menunjukkan faktor utama lain yang menjadi penyebab kepada masalah keterlibatan kepada jenayah berat. Hal ini kerana masyarakat barat tidak mengalami masalah kewangan dan tujuan mereka melakukan jenayah berat disebabkan ingin mencuba, masalah keluarga dan juga mencari keseronokan. Jika dibandingkan dengan dapatan kajian mengenai faktor-faktor dianiaya dan rakan sebaya ia menunjukkan terdapat persamaan dengan dapatan kajian barat dengan dapatan di penjara di Malaysia menunjukkan kedua-dua faktor ini juga memainkan peranan penglibatan mereka dengan jenayah berat. Ini menunjukkan kedua-dua faktor ini apabila mengkaji mengenai faktor-faktor penyebab keterlibatan dengan jenayah kedua-dua faktor ini berhubung kait dan saling bergantung kepada penglibatan jenayah.

5.2.4 Punca-Punca Yang Mengganggu Emosi Diri

Hasil dapatan kajian menunjukkan selari dengan dapatan daripada sarjana-sarjana sebelum ini di mana faktor persekitaran yang menjadi punca kepada gangguan emosi banduan akhir. Ia melibatkan beberapa perkara seperti duduk terlalu lama di dalam

penjara, bising dan pelbagai yang boleh mengganggu kehidupan dalam kalangan banduan akhir.

Menurut Cooper dan Berwick (2001), dapati beberapa punca tiga kategori banduan membunuh diri adalah tinggi antaranya kebimbangan, tekanan dan psikologi kesejahteraan kehidupan banduan. Dalam aspek psikologi kesejahteraan kehidupan menyatakan antaranya tinggal terlalu lama dalam penjara, suasana persekitaran yang bising, perasaan kehilangan maruah diri dan bersalah serta sukar menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan dalam penjara. Maka, teori Pendekatan Penyelesaian Masalah Perlman (1957) dan dikembangkan oleh Payne (1996) dapat membantu membendung kejadian seperti dalam Jadual 1.4 secara individu dan berkumpulan apabila wujudnya perasaan bimbang dan akhirnya tekanan perasaan samada berkaitan kesejahteraan kehidupan antara banduan ataupun dengan warden penjara yang bertugas.

Dapatlah disimpulkan bahawa punca-punca ini menjadi kepada masalah banduan akhir sehinggakan menggugat kepada keselamatan diri dan organisasi penjara. Jadi pihak pengurusan penjara haruslah mencari alternatif bagi meredakan supaya kekacauan yang boleh menggugat keselamatan tidak mengganggu emosi diri banduan akhir.

5.3 Implikasi Kajian

5.3.1 Implikasi Terhadap Teori

Kajian ini mendapati bahawa penggunaan teori rasional emotif terapi dan teori lima peringkat kesedihan adalah sesuai dan menepati kehendak kajian bersesuaian dengan objektif yang ingin dikaji. Ini kerana penggunaan teori tersebut mampu menerangkan bagaimana banduan akhir menerima hukuman tersebut. Penggunaan teori ini mampu menjawab persoalan yang ingin dibincangkan berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang mempunyai perkaitan dengan dapatan kajian dan kajian-kajian lepas.

5.3.2 Implikasi Terhadap Institusi Penjara

Hasil daripada dapatan kajian ini memperlihatkan beberapa kelemahan-kelemahan yang harus diatasi oleh pihak penjara kerana tahap penerimaan banduan akhir pada peringkat awalnya masih diganggu dengan emosi yang tidak stabil. Justeru pihak terbabit haruslah mengkaji perlaksanaan dalam menguruskan banduan akhir sehinggakan mereka tidak memberi ancaman kepada keselamatan diri dan juga kepada organisasi penjara.

Hasil dapatan kajian ini serba sedikit dapat memberi penambahan input berkaitan pengetahuan dan gambaran kepada organisasi penjara dan juga masyarakat terutamanya dalam mengetahui sebenar bagaimana banduan akhir menghadapi kehidupan di dalam penjara sebelum saat menemui ajalnya.

5.3.3 Implikasi Terhadap Metodologi

Implikasi terhadap metodologi dalam mengetahui tahap penerimaan banduan mati, faktor-faktor penglibatan dengan jenayah berat dan punca-punca yang mengganggu emosi sehingga menyebabkan berlakunya keselamatan diri dan organisasi terancam dengan menggunakan kaedah temu bual dan analisis kualitatif ini menggunakan program Nvivo 9 bagi memperolehi dapatan yang menyeluruh. Ini kerana penggunaan program Nvivo 9 menerangkan bagaimana keadaan sebenar banduan akhir dimana model holistik diberikan untuk memberi penjelasan atau gambaran sebab dan mengapa perkara tersebut berlaku.

5.4 Cadangan Kajian

Bahagian cadangan ini memberi fokus kepada kajian akan datang dalam memastikan kajian yang akan dijalankan menyeluruh dalam mengetahui banduan akhir di samping untuk mencadangkan dari sudut dasar institusi penjara dalam memberi penambahbaikan untuk memberi keberkesanan pada masa akan datang.

5.4.1 Cadangan Kepada Organisasi

Kajian yang dijalankan pengkaji menumpukan tahap penerimaan hukuman mati dari perspektif emosi secara umumnya boleh dikatakan berubah dari tahap penafian kepada penerimaan. Teori oleh Elisabeth Kubler-Ross (EKR) memperkenalkan model Tahap

Kesedihan telah memberi gambaran tahap emosi penerimaan hukuman mati. Di samping itu, teori Pendekatan Penyelesaian Masalah Perlman dapat membantu banduan akhir untuk terus hidup bermotivasi. Pendekatan agama dapat memastikan banduan terus mendambakan kehidupan ini kepada PenciptaNya. Cadangan oleh pengkaji terhadap penerimaan hukuman mati terhadap banduan adalah seperti penerangan di bawah. Ia sekurang-kurangnya dapat membantu Jabatan Penjara Malaysia untuk menguruskan kehidupan banduan akhir dalam keadaan yang lebih baik agar mereka dapat mencapai tahap penerimaan dengan lebih cepat. Apabila mereka mencapai tahap terakhir model EKR, ianya lebih mudah diuruskan. Cadangan juga merangkumi aspek pendidikan dan kesedaran oleh masyarakat. Pengkaji mencadangkan bagi mengurangkan gangguan emosi banduan akhir seperti di bawah:-

- a) Peraturan-peraturan yang konsisten hendaklah dikuatkuasakan secara sama di semua penjara di Malaysia.
- b) Peraturan tentang kemudahan yang ada elemen perikemanusiaan secara '*win-win situation*' – masa keluar rekreasi, menonton televisyen, makanan tambahan dan bahan bacaan.
- c) Tahap Kemahiran '*soft skill*' Pegawai dan anggota dipertingkatkan.
- d) Kelas agama yang konsisten dan penyampaian ilmu agama dari pelbagai guru dan menggunakan kaedah yang menyeronokkan.
- e) Suasana yang senyap.
- f) Persekitaran blok penempatan yang bersih dan sesuai (cahaya matahari, pemandangan dan bebas dari gangguan serangga).
- g) Penyediaan dan pengedaran makanan yang berkualiti.

- h) Layanan masalah kesihatan yang cepat, bersesuaian dengan penyakit.
- i) Mempercepatkan proses rayuan ataupun pengampunan.
- j) Peningkatan Tahap Kesedaran Masyarakat.
 - Sokongan dari keluarga
 - Wujudkan sudut kesedaran dalam akhbar atau majalah jangan mengejar kehidupan dunia sahaja
- k) Sokongan dari pihak mangsa.
 - banduan perlu diberi kemaafan oleh keluarga mangsa
- l) Memperkemarkan maklumat kesalahan pengedaran di pintu-pintu masuk Negara.
 - pelancong mesti memahami undang-undang Negara
 - memberi fokus pelancong dari Negara yang mempunyai latar belakang pengeluar atau pemprosesan dadah
 - penguatkuasaan perlu diberi ilmu dan kemahiran untuk mengesan pelbagai jenis dadah.
- m) Sistem Kaunselor di penjara harus dikaji (tidak berkesan) supaya banduan akhir sebelum membuat rayuan dapat menerima hakikat dengan segala keputusan yang diumumkan.

5.4.2 Cadangan Masa Hadapan

Kajian masa hadapan pengkaji mencadangkan supaya dilakukan dengan sampel yang lebih banyak dalam memperolehi ketepatan hasil kajian dengan lebih tinggi. Selain itu kajian untuk masa hadapan perlulah melihat kepada keseluruhan penjara yang terlibat

dengan hukuman mati di samping membuat perbandingan antara penjara yang menguruskan banduan akhir. Kajian juga mencadangkan supaya menumpukan kepada pegawai penjara yang menguruskan banduan akhir melihat dari sudut yang sama iaitu emosi mereka dan juga menumpukan kajian kepada hukuman rotan kerana kajian tersebut kurang dilakukan terutamanya di Malaysia.

5.5 Kesimpulan

Penemuan dalam penyelidikan ini adalah satu fenomena yang benar-benar berlaku dalam penjara pada hari ini. Fenomena ini menggambarkan ada perkara-perkara tersembunyi dirungkaikan dalam mengetahui bagaimana sesuatu perkara tersebut berlaku. Perlakuan ini jelas menunjukkan golongan bawahan yang sering melakukan kepada permasalahan sosial di negara ini. Maka jelaslah dari penganalisaan kajian ini, menunjukkan bahawa tahap penerimaan banduan akhir terhadap hukuman mati, faktor-faktor yang menyebabkan mereka terlibat dengan jenayah berat dan punca-punca yang mengganggu emosi mereka sehinggakan menyebabkan keselamatan diri dan organisasi penjara terancam. Dapatan kajian ini menggambarkan keadaan sebenar diri banduan akhir terhadap emosi mereka apabila berada di penjara dan berstatus banduan akhir. Hal ini kerana penyelidikan mengenai banduan akhir di Malaysia kurang dilakukan dan dapatan ini serba sebanyak dapat memberi gambaran sebenar keadaan banduan akhir dalam menghadapi saat-saat kematian.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Hussin (2003) Hukuman mati di Malaysia. *Journal of Malaysian Law*, (4): 24-37.
- Adepoju, A. (2007). Juvenile death sentence lives on even after roper v. simmons, *Trends and Issues in Constitutional Law*.
- Ahmad Faudzi Awang. (2004). Pengurusan banduan hukuman mati. *Jabatan Penjara Malaysia*. Atas talian <http://www.prison.gov.my>.
- Amir Awang & Iran Herman (2003). Menangani stress di tempat kerja melalui kaunseling berperspektif Islam. Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Kaunseling Berperspektif Islam*. Anjuran UUM, JPA dan Kementerian Pendidikan Malaysia. 1 – 3 Mei 2003
- Anderson, A. K. (2005). Affective influences on the attentional dynamics supporting awareness. *Journal of Experimental Psychology*,154, 258–281.
- Aulia (2010). *Analisis pengaruh kemampuan fisik, dan kemampuan mental pegawai terhadap kinerja pegawai di PT. Askes (Persero) Regional I*. Indonesia: Universiti of Sumatera Utara.
- Awis (2010, Oktober 12). Hukuman mati dari sudut etis dan al kitab. *Sabah*. Atas talian nipuhawang@blogspot.com.
- Azizul Azhar (2011, Mei 7). Pengurusan banduan hukuman mati. Kuala Lumpur: Atas talian [https://www.facebook.com/.../azizul-azhar.../pengurusan-banduan hukuman mati](https://www.facebook.com/.../azizul-azhar.../pengurusan-banduan-hukuman-mati).
- Azman Mohd. Noor (2002). *Hukuman mati ke atas pengedar dadah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Mohd. Noor (2008). Hukuman mati mandatori: Satu analisis menurut pengamalan Undang-Undang di Malaysia dan Syariah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*.
- Azman Ismail & Andy Abdul Razak (2012). Hubungan di antara emosi pekerja dan luapan emosi: Kajian empirikal di sebuah universiti awam. *Jurnal Kemanusiaan*. Vol 19, ms 26-40.
- Azman Mohd Noor & Mohd Al-Ikhsan Ghazali (2010). Penyalahgunaan dadah dan kewajaran peruntukan hukuman mati ke atas pengedar dadah di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Fiqh*, No. 7, 29-48.

- Bedau, H. A. (2003). "Retribution and the theory of punishment". *The Journal of Philosophy*. 75: 601-620.
- Blackham (1997). Teori rasional emotif behavioral terapi. Malaysia: Atas talian <http://mazitakaunselor.blogspot.com/2010/02/teori-rasional-emotif-behavioral-terapi.html>
- Boeije, H. (2002). Analysis in qualitative research. A purposeful approach to the Constant comparative method in the analysis of qualitative interviews. *Quality and Quantity*, 36, 391-40. Utrecht University: SAGE Publications Ltd.
- Cooper, C. & Berwick, S. (2001). *Current psychology: Developmental, Learning, Personality, Social Summer*, Vol 20, No2 p.169-182. United Kingdom: Sussex Publishers.
- Corey, G. (2009). *Theory and practice of counselling and psychotherapy*. California: Thomson Brooks/Cole.
- Dieter, R. (2008). *The death penalty in Black and White: Who lives, who dies, who decides*. Washington, DC: Death Penalty Information Center.
- Ekman, P. & Friesen, W. V. (1978). *The facial action coding system: A technique for the measurement of facial movement*. Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press.
- Ekman & Friesen (1978). *Facial action coding system*. California: Langley Porter Neuropsychiatric Institute, University of California.
- Elisabetta, Z. (2010). *The death penalty worldwide*. Roma: Reality Book.
- Ellis, A. (1955). Cited in Corey, G. (2005). *Student manual theory and practice of counselling and psychotherapy*. USA: Brooks/Cole publishers.
- Ellis, A. & Dryden, W. (1997). *The practice of rational emotive behavior therapy*. New York: Springer Publishing Company, Inc.
- Fatimah Ibrahim, Wan Abu Bakar Wan Abas, & Ng Siew Cheok (2008). *Solat: kebaikan menurut perspektif sains*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ganzer, V. J. & Sarason, I. G. (1973). Variables associated with recidivism among juvenile delinquents. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 40 (1), 1-5.
- George, R. L. & Cristiani, T. S. (1996). *Counseling theory and practice*: Allyn and Bacon.

- Gerald, C. (1997). *Teori dan praktek konseling dan psikoterapi*. Bandung: PT. Refika Aditama.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York: Banta.
- Goleman, D. (1999). *Working with emotional intelligence*. London: Bloomsbury Publishing.
- Golston, S. (2009). *Death penalty*. Detroit. Publisher: Lucent Books.
- Hackey & Cormier (1995). *Group counselling strategies and skills seventh edition*. USA: West Virginia University.
- Hallahan, K. (2000), 'Inactive publics: The forgotten publics in public relations'. *Public Relations Review*, 26 (4).
- Haney, C. (2008). A culture of harm: Taming the dynamics of cruelty in supermax prisons. *Criminal Justice and Behavior*, 35(8), 956-984.
- Haney, C. (2009). The social psychology of isolation: Why solitary confinement is psychologically harmful. *Prison Service Journal*, 181, 12-20.
- Harrison, K. & Tamony, A. (2010). Death row phenomenon, death row syndrome and their affect on capital cases in the US. *Internet Journal of Criminology*.
- Jabatan Penjara Malaysia (2009). *Pelan Induk Jabatan Penjara 2009-2020*. Kuala Lumpur: Jabatan Penjara Malaysia
- Jabatan Penjara Malaysia (2010). *Sejarah hukuman mati*. Kuala Lumpur: Jabatan Penjara Malaysia.
- Jabatan Penjara Malaysia (2011). *Statistik banduan akhir jabatan penjara Malaysia bagi tahun 2000-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Penjara Malaysia.
- Jabatan Penjara Malaysia (2011). *Statistik pelaksanaan hukuman mati bagi tahun 2005-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Penjara Malaysia.
- Jabatan Penjara Malaysia (2011). *Statistik pelaksanaan hukuman mati mengikut kesalahan bagi tahun 2005-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Penjara Malaysia.
- Kleinginna, P. R. & Kleinginna, A. M. (1981). A categorized list of motivational definitions with a suggestion for a consensual definition. *Motivation and Emotion*, 5, 263-291.

- Kontras (2007, Oktober 9). *Praktek hukuman mati di Indonesia*. Jakarta: Amnesty International dan Hands Off Cain, Badan Pekerja KontraS.
- Kubler, R. E. (1969). *On death and dying*. New York: Scribner Publishers.
- LBH Banda Aceh & Kontras Aceh (2004). *Pengancaman hukuman mati TKI asal Aceh di Malaysia*. Indonesia: Aceh.
- Lefrancois, G. R. (2001). *Psychology for teaching*. Belmont: Wadsworth Publishing Company.
- Lim (2003). *Managing mens rea in Singapore*. Singapore: Faculty of Law, National University of Singapore.
- Mahmood Nazar Mohamed (1992). *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizatul Akmam Abu Bakar (2008). *Perkaitan antara hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar*. Tesis Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Malek Muhamat Said (2007). *Mengurus khidmat bimbingan dan kaunseling sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Marx, K. (1981). *Capital: A critique of political economy*. Volume 3. Introduced by Ernest Mandel. Translated by David Fernbach. Harmondsworth etc.: Penguin Books in association with New Left Review.
- Md Azree Othman Mydin (2012). *Konsep dan kaedah penyelidikan*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Perumahan, Bagunan & Perancangan. Universiti Sains Malaysia.
- Meltzer, L. S. & Huckabay L. M. (2004). Critical care nurses' perceptions of futile care and its effect on burnout. *American Journal of Critical Care*, 13, 202-208.
- Micheal, W. (2005). *Ironies of imprisonment*. United State: Segi Publication Inc.
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis*. Ed. ke-2. Thousands Oaks: Sage Publications.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid (2004). EQ: *Panduan meningkatkan kecerdasan emosi*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors Sdn.Bhd.
- Mohd Azhar Abd. Hamid (2005). *Panduan meningkatkan kecerdasan emosi*. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.

- Mohd Azhar Abd. Hamid (2006). *Panduan meningkatkan kecerdasan emosi*. Cetakan Ketiga. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Azhar Abd. Hamid (2007). *Panduan meningkatkan kecerdasan emosi*. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamed Farook (2011, November). Menjana kejayaan melalui perubahan minda. *Malaysia*: Atas talian <http://drfarook.blogspot.com>.
- Mohammad Monib & Islah Bahrawi (2011). *Islam dan hak asasi manusia dalam pandangan Nurcholish Madjid*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Morgan, O. J. (2009). Thoughts on the interaction of trauma, addiction, spirituality. *Journal of Addictions and Offender Counseling*, 30 (1), pp. 5-15.
- Muhd Mansur Abdullah (1997). *Kaunseling teori, proses dan kaedah*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Murray & Farrington (2010). *Risk factors for conduct disorder and delinquency*. England: Institute of Criminology, University of Cambridge.
- Nor Azah Aziz, Syakirah Samsudin, Asmara Alias, Fadhlina Mohd. Razali, Zarima Mohd. Zakaria, Siti Ruhani Anuar (2008). The computerized simulation of the bodily movement and blood circulation system during the performance of obligatory prayers. *Prosiding International Seminar on Islamic Science & Technology INSISTOR, 18-19 Mac 2008*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Noriah Mohamad Ishak (2005) Pengurusan kecerdasan emosi (EQ) dan pembangunan sendiri pelajar. *Prosiding seminar kepengetuaan kebangsaan ke-4*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Osher, F. C. & Steadman, H. J. (2007). Adapting evidence-based practices for persons with mental illness involved with the criminal justice system, *American Psychiatric Association*, 58: 1472-1478. Delmar, New York : Psychiatric Services.
- Payne, M. (1996). *What is professional social work?*, Birmingham UK: Venture Press (British Association Social Work).
- Perlman, H. H. (1957). *Social casework: Problem solving process*. Chicago, IL: The University of Chicago Press.
- Pearce & Haigh (2008). How therapeutic communities work: Specific factors related to positive outcome. *United Kingdom*: Atas talian <http://isp.sagepub.com>.

- Radelet, M. L. & Akers R. L. (2003). Deterrence and the death penalty: The views of the experts. *Sun*. Atas talian <http://sun.soci.niu.edu/>.
- Roger, D. & Neshoever, W. (1987). The constructional and preliminary validation of a scale for measuring emotional control. *Personality and Individual Differences*, 8, 527–534.
- Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa & Sulaiman Shakib Mohd Noor (2008). Pendekatan kaunseling daripada perspektif Islam. *International Conference on the Education of Learner Diversity (ICELD08)* di Hotel Marriot, Putrajaya dianjurkan Pusat Pendidikan Kepelbagaian Pelajar, Fakulti Pendidikan UKM pada 26-27 Ogos 2008.
- Sabariah Siron (2005). *Counseling theory and practice*. Malaysia : Prentice Hall/Pearson.
- Samuel, S. S. (2007). *Hukuman mati dan hak hidup manusia*. Jakarta: STT Jaffray.
- Santrock, J. W. (1998). *Adolescence* (7th ed.). Boston: McGraw Hill.
- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin (2008). *Teori kaunseling dan psikoterapi*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sapora Sipon (2010). *Teori kaunseling dan Psikoterapi*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin (2012). *Teori kaunseling dan psikoterapi*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Scherer, K. (2005). What are emotions and how can they be measured. *Social Science Information Journal*, 44 (4), 695-729.
- Schultz, D. & Schultz, S. E. (2002). *Psychology and work today*. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Schutte, N. S., Malouff, J. M., Bobik, C., Coston, T. D., Greeson, C., Jedlicka, C., et al. (2001). Emotional intelligence and interpersonal relations. *Journal of Social Psychology*, 141, 523–536.
- Schutte, N. S., Malouff, J. M., Hall, L. E., Haggerty, D. J., Cooper, J. T., Golden, C. J., et al. (1998). *Development and validation of a measure of emotional intelligence*. *Personality and Individual Differences*, 25, 167–177.
- Sharifah Akram & Ahmad Shukri. (2006). Tinjauan tentang reaksi emosi di tempat kerja. *Jurnal Teknologi UTM*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Shader, M. (2003). *Risk factors for delinquency: an overview*. Washington: Department of Justice, Office of Justice Programs, Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention.
- Singh & Sharma (1997). Adolescents in single family. *India*: Atas talian <http://medind.nic.in>.
- Sloane, S. (2003). A study of the effectiveness of alternatives to violence workshops in a prison system. St. Paul, MN: AVP/USA, Inc.
- Sri Arun (2003). *Mode of execution of death sentence and incidental matters*. New Delhi: Union Minister for Law and Justice.
- Stuewig, J., Tangney, J. P., Mashek, D., Forkner, P., & Dearing, R. L. (2009). The moral emotions, alcohol dependence, and HIV risk behavior in an incarcerated sample. *Substance Use and Misuse*, 44, 449-471.
- Todung & Alexander (2009). *Tinjauan hak asasi manusia terhadap penundaan eksekusi hukuman mati*. Indonesia: Jurnal Ilmiah Fakultas Hukum.
- Undang-Undang Malaysia (2006). *Akta 92. Akta Mahkamah Rendah 1948*. Malaysia: Percetakan Nasional Malaysia Bhd: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia.
- Wanner, B., Vitaro, F., Carbonneau, R., & Tremblay, R., E (2009). Cross-lagged links among gambling, substance use, and delinquency from midadolescence to young adulthood: Additive and moderating effects of common risk factors. *Psychology of Addictive Behaviors*, Vol 23(1), 91-104.
- Walgito, B. (2004). *Pengantar psikologi umum*. Jakarta: Penerbit Andi.
- Walters, Glenn D.; Mann, Millard F.; Miller, Melvin P.; Hemphill, Leslie L.; Chlumsky, Michael L (1988). Emotional disorder among offenders: Inter- and intrasetting comparisons. *Criminal Justice and Behavior*, Vol 15(4), 433-453.
- Warta: Peraturan-peraturan Penjara 2000. Pindaan pada Peraturan Penjara 1953berkuatkuasa pada 1 September 2000, Bab 18 dan Perintah Tetap KJP(Komisioner Jeneral Penjara) Bil 2/92 iaitu sebagai sumber kuasa pentadbiran pengurusan banduan akhir. Malaysia: Jabatan Penjara Malaysia.
- Wasserman, G., Keenan, K., Tremblay, R., Coie, J., Herrenkohl, T., Loeber, R., & Petechuck, D. (2003). Risk and protective factors of child delinquency: *Child Delinquency*. Bulletin Series, Washington DC: OJJDP; 2003. pp. 1-14.
- Wedderburn (1978). *Some suggestions for increasing the usefulness of psychological and sociological studies of shiftwork*. Britain: Ergonomics, 21, 827-833.

Wilkerson (1878). Pertaining to methods of capital punishment, the United States Supreme Court commented that drawing and quartering, public dissecting, burning alive and disemboweling would constitute cruel and unusual punishment while determining that death by firing squad was as legitimate as the common method of that time, hanging. *Indonesia: Atas talian* <http://Yayabakhtiar.wordpress.com/>.

William, J (1884). *What is an emotion? Mind*, Vol. 9, pp. 188-205.

Yin, R. K. (2003). *Case study research: Design and methods* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

Yusuf, Syamsu. (2006). *Psikologi perkembangan anak & remaja*. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya.

Zohar, D., & Marshall, I. (2000). *SQ: Connecting with our spiritual intelligence*. New York: Bloomsbury.